Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. Kelas: 85-Mon
No Perolehan: T 0985
Tarikh: 18 MAR 1986

# PEMBANGUNAN DAN KEMISKINAN
# (SATU KAJIAN KES KESAN PEMBANGUNAN KEPADA MASYARAKAT KAMPUNG KUALA KERDAU, TEMERLOH, PAHANG)

Oleh:

MOHD. NASIR BIN ABDULLAH

No. Matrik 043771

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian
Daripada Syarat-Syarat Untuk
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sessi 1985/86

University of Malaya

SINOPSIS

Malaysia, sebagai sebuah negara yang pesat membangun, telah mengatur berbagai-bagai dasar dan program-program pembangunan untuk dinikmati oleh setiap lapisan rakyat dinegara ini. Kajian ini cuba melihat kesan dari pembangunan itu samada ia membawa kesan yang negatif atau positif. Pengkaji juga mengaitkan hubungan pembangunan dan kemiskinan, yang mana merupakan sasaran kerajaan untuk membasmi kemiskinan dengan perlaksanaan program-program pembangunan. Dalam percubaan pengkaji memaparkan hasil kajian ini, pengkaji akui terdapat banyak kelemahan. Ini adalah disebabkan kekurangan pengalaman dan kelemahan pengkaji sendiri dalam kerja-kerja penyelidikan.

Dalam Bab I, membicarakan mengenai tujuan dan bidang kajian, kaedah-kaedah yang digunakan serta kesulitan yang dihadapi ketika membuat penyelidikan ini dan latarbelakang kawasan kajian.

Bab II, menyentuh pengertian, ukuran-ukuran serta teori-teori pembangunan dan kemiskinan, serta melihat perhubungan antara pembangunan dengan kemiskinan.

Bab III, menghuraikan tentang latarbelakang sosial ekonomi responden seperti umur, pelajaran, kesihatan, pola-

pola pekerjaan, pola pemilikan tanah dan pemilikan-pemilikan lain.

Bab IV, menghuraikan tentang program-program pembangunan yang telah dinikmati dan penglibatan agensi-agensi kerajaan (RISDA) dalam usaha untuk menyalurkan pembangunan dikawasan ini. Antaranya dari segi kemudahan kesihatan, pelajaran dan kemudahan infrastraktur.

Bab V, membincangkan tentang kesan-kesan pembangunan kepada masyarakat tempat kajian. Kesan kepada sikap dan nilai serta melihat hubungan sosial serta peluang-peluang ekonomi yang telah ujud setelah adanya pembangunan.

Bab VI, adalah bab akhir yang merupakan kesimpulan dari hasil kajian yang mana pembangunan telah melahirkan satu trend baru kepada generasi muda untuk bekerja makan gaji tidak lagi penempuan dalam bidang pertanian.

University of Malaya

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN i

SINOPSIS ii

KANDUNGAN iv

SENARAI JADUAL vii

PETA

BAB I: Pendahuluan

1.1 Tujuan dan Bidang Kajian 1

1.2 Kepentingan Kajian 3

1.3. Kaedah Kajian 7

1.4. Masalah dan Kesulitan Kajian 10

1.5 Latar Belakang Tempat Kajian 13

BAB II: Teori-Teori Pembangunan Dan Kemiskinan

2.1. Pendahuluan 19

2.2 Pengertian Pembangunan 19

2.3 Pendekatan Teori-Teori Pembangunan 26

2.4 Pendekatan Equalibrium dan Conflit 29

2.5 Definasi Kemiskinan 38

2.6 Ukuran Kemiskinan 40

2.7 Teori-Teori Kemiskinan 41

2.8 Hubungan Pembangunan dan Kemiskinan 47

Muka Surat

BAB III: Latar Belakang Sosial-Ekonomi Responden

3.1 Pendahuluan 51

3.2 Saiz Keluarga 51

3.3 Umur 53

3.4 Taraf Pendidikan 55

3.5 Pola-Pola Pekerjaan 58

3.6 Pendapatan 61

3.7 Pola-Pola Pemilikan Tanah 63

3.8 Lain-Lain Bentuk Pemilikan 66

3.9 Kesedaran Dan Penglibatan Politik 70

BAB IV: Rancangan-Rancangan Dan Projek-Projek Pembangunan Yang Dilaksanakan Ditempat Kajian

4.1 Pendahuluan 72

4.2 Pembangunan Dilihat Dari Segi Kemudahan Infrastruktur 72

4.3 Pembangunan Dari Aspek Pelajaran 74

4.4 Pembangunan Dari Segi Kesihatan 78

4.5 Pembangunan Melibatkan Agensi Kerajaan 80

BAB V: Kesan-Kesan Pembangunan Keatas Masyarakat Kampung Kuala Kerdau

5.1 Pendahuluan 85

5.2 Perubahan Dari Segi Nilai/Sikap 86

5.2.1 Sikap Terhadap Pendidikan 87

Muka Surat

5.2.2 Sikap Terhadap Perubatan Moden 90

5.3 Kesan Kepada Hubungan Sosial 92

5.4 Kesan Kepada Aspek Ekonomi 95

BAB VI: <u>Kesimpulan</u> 102

Bibliografi 112

Lampiran

University of Malaya

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Saiz Keluarga Bagi Responden | 53 |
| 3.2 | Umur Ketua Keluarga | 54 |
| 3.3 | Umur Anak-Anak Yang Tinggal Bersama Keluarga | 56 |
| 3.4 | Taraf Pendidikan Responden | 58 |
| 3.5 | Pendapatan Bulanan Responden | 62 |
| 3.6 | Pola-Pola Pemilikan Tanah Dikalangan Responden | 65 |
| 3.7 | Pemilikan Harta Dikalangan Responden | 68 |
| 4.1 | Bekalan Air Paip Dan Api Eletrik Dikalangan Responden | 73 |
| 4.2 | Tingkat Pelajaran Yang Tercapai Oleh Anak-Anak Responden | 76 |
| 4.3 | Kekerapan Tempat Menerima Rawatan | 79 |
| 5.1 | Pola Pendidikan Anak-Anak Responden | 89 |
| 5.2 | Tempat/Bilangan Kelahiran Di Mukim Kerdau Bagi Tahun 1984 | 91 |
| 5.3 | Pola-Pola Pekerjaan Anak-Anak Responden | 97 |



University of Malaya

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1. Tujuan dan Bidang Kajian

Sebagai salah sebuah negara Dunia Ketiga, Pemimpin-Pemimpin dinegara ini telah mengariskan beberapa dasar pembangunan untuk dilaksanakan bagi membaiki taraf kehidupan rakyat Malaysia. Beberapa program pembangunan samada yang sudah dilaksanakan sejak zaman awal kemerdekaan dahulu dan yang dalam perancangan Kerajaan telah direncanakan bagi memajukan negara ini, khususnya bagi masyarakat diluar bandar. Salah satu ciri negara dunia ketiga ialah masalah kemiskinan. Oleh itu dasar pembangunan negara perlulah diutamakan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

Memandangkan masalah kemiskinan ini terdapat dikawasan luar bandar yang mana merupakan 70 peratus bilangan masyarakatnya terdiri daripada masyarakat nasional maka tumpuan yang lebih sentiasa diberi keatas kawasan luar bandar ini.

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisa sejauhmana kesan pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sejak merdeka 28 tahun dahulu sehingga sekarang

University of Malaya

telah dapat mengatasi masalah kemiskinan dikawasan luar bandar. Oleh itu kajian ini cuba membuat satu analisis samada faedah-faedah dari program pembangunan negara ini telah dapat dinikmati oleh rakyat luar bandar atau pembangunan itu hanya telah memberi kemudahan asas saja kepada masyarakat luar bandar tidak kepada pendapatan benar masyarakat tersebut. Dari ini pengkaji juga cuba menganalisis kesan pembangunan yang telah dilaksanakan ini samada membawa kesan positif atau kesan negatif kepada mereka.

Boleh dikatakan masyarakat yang mengalami masalah kemiskinan diluar bandar itu adalah kebanyakan terdiri dari masyarakat Petani Melayu. Jadi skop atau bidang kajian ini memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada masyarakat Petani Melayu ini. Disini pengkaji telah memilih komuniti petani Melayu yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil getah dikampung Kuala Kerdau, Pahang. Kajian ini merupakan kajian yang berbentuk kajian mikro. Walaubagaimanapun pengkaji berharap dari kajian ini dapat dibuat genaralisasi yang mencerminkan kesan Pembangunan kepada masyarakat Petani Melayu secara amnya.

## 1.2. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting, kerana kajian-kajian yang sebelum ini, samada kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji luar seperti M.G. Swift, P.J. Wilson, Raymord Firth dan Rosemary Firth atau pengkaji-pengkaji dalam negeri seperti Ungku Aziz, Syed Husin Ali, Wan Abdul Kadir dan Rokiah Talib, telah banyak sekali membincangkan dari aspek-aspek pendapatan, penggunaan, simpanan atau sosial. Ekonomi masyarakat petani Melayu saja seperti Rokiah Talib yang membuat kajian keatas pembangunan tanah di Negeri Kelantan. Dimana beliau cuba membuat analisa rancangan tanah Negeri Kelantan sebagai satu pendekatan praktikal di dalam strategi pembangunan.

Begitu juga dengan pengkaji dari luar seperti Swift yang membuat kajian terhadap masyarakat petani Melayu di Jelebu, Negeri Sembilan, dimana beliau memberi penekanan keatas keadaan sosial ekonomi masyarakat itu. Dan Raymord Firth telah membuat kajian ke atas masyarakat Melayu di-Kelantan. Kajian-kajian yang dilakukan itu, melihat sebab-sebab berlaku masalah kemiskinan dan kemunduran didalam masyarakat petani secara komprehesif. Dengan ini pengkaji cuba melihat masalah kemiskinan itu dari kesan pembangunan itu sendiri yang mana pembangunan pada asalnya dibawa untuk

University of Malaya

mengatasi masalah kemiskinan di Kalangan, masyarakat petani Melayu diluar bandar, Namun begitu, pengkaji sedar bahawa sejak akhir-akhir ini ada terdapat juga pengkaji-pengkaji yang cuba melihat kesan pembangunan ini ke atas masyarakat luar bandar ini seperti Wan Hashim dan beberapa orang pengkaji yang lain.

Kerajaan telah banyak menyusun dan melaksanakan program-program pembangunan, yang bertujuan untuk mentranformasikan masyarakat luar bandar. Ini dapat dilihat dalam program-program Kerajaan terutamanya dalam Rancangan Lima Tahun Malaysia yang mula dilancarkan pada tahun 1956 iaitu Rancangan Malaya Pertama dan kemudian ia telah ditukar menjadi Rancangan Malaysia Pertama dalam tahun 1966 dan hingga ke hari ini Rancangan Malaysia Keempat. Disamping itu Kerajaan telah menubuhkan beberapa agensi bagi sama-sama membantu menjayakan proses pembangunan dinegara ini. Ini dapat dilihat, dimana Kerajaan telah melaksanakan rancangan pembangunan tanah seperti yang terdapat Rancangan Jengka Tiga Segi di Pahang; rancangan Parit dan Taliair di Muda, Kedah, untuk memudahkan tanaman dua kali setahun; rancangan bantuan dan subsidi berupakan wang, baja dan pengetahuan penggunaan teknoloji moden; kemudahan kredit seperti ujudnya Bank Pertanian dan penyediaan kemudahan-kemudahan pemasaran.

Melihat pada kadar pertumbuhan ekonomi di Malaysia, kita akan mendapati pertubuhan ekonomi Malaysia telah berkembang sejak tahun 1957 dahulu. Dimana kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDNK) bagi Semenanjung Malaysia telah meningkat pada purata sebanyak 5.8% dalam jangka masa 1957-1970 (V.V.B.Rao, 1976). Dan diantara tahun 1971 dan 1980 KDNK bagi seluruh Malaysia pula telah meningkat pada puratanya sebanyak 7.8 peratus setahun.

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah wang yang besar dalam usaha pembangunan ini. Tumpuan yang selalu diberi keutamaan ialah untuk membasmikan kemiskinan dimana Kerajaan telah memperuntukan sejumlah $9,319.2 juta dalam rancangan keempat (RME), berbanding dalam Rancangan Malaysia Kedua (RM2) dahulu iaitu hanya sebanyak $2,350.00 juta saja. Boleh dikatakan peruntukan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini akan terus meningkat. Oleh sebab itu, kalau kita mengkaji rancangan-rancangan Kerajaan, sudah pasti kita bersetuju bahawa sememangnya cuba mengatasi masalah kemiskinan dikalangan masyarakat luar bandar. Maka timbul persoalan disini, dimanakah silapnya rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan itu, sehingga hari ini masyarakat masih mempersoalkan masalah kemiskinan dikalangan masyarakat luar bandar yang majoritinya terdiri daripada orang-orang Melayu.

Bagi pengkaji, terdapat beberapa andaian yang menyebabkan masyarakat luar bandar itu berada dibawah garis kemiskinan.

(i) Kemiskinan masyarakat luar bandar itu kemungkinan bukan disebabkan tidak ujudnya pembangunan dikawasan mereka, tetapi disebabkan kurangnya peluang-peluang ekonomi dikawasan luar bandar itu.

(ii) Ada kemungkinan program-program pembangunan banyak tertumpu kepada kawasan-kawasan tertentu saja, menyebabkan ramai penduduk luar bandar meninggalkan tempat asal mereka dan berhijrah ke tempat-tempat lain yang banyak menikmati pembangunan.

(iii) Kemungkinan juga disebabkan ramai para belia yang berhijrah ke bandar-bandar dan meninggalkan golongan-golongan tua yang tidak mampu untuk mengerjakan tanah-tanah mereka dan tidak mampu merebut peluang-peluang ekonomi, sekiranya ada di luar bandar itu.

University of Malaya

Dari andaian-andaian tersebutlah, pengkaji cuba melihat sejauhmana proses-proses pembangunan itu dapat memberi kesan kepada masyarakat luar bandar samada positif atau negatif. Dengan kajian ini, pengkaji berharap dapat membuat atau mencari satu resolusi mengapa masalah kemiskinan dikalangan masyarakat luar bandar tetap tinggi sedangkan, telah banyak program-program pembangunan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan.

1.3. Kaedah Kajian

Semasa menjalankan kerjaluar dan untuk mendapatkan data-data, pengkaji telah menggunakan kaedah Autopologi dan Sosiologi. Kedua-dua kaedah ini digunakan secara persendirian dan/atau secara bersama. Ini adalah memandangkan dalam keadaan-keadaan tertentu memerlukan kedua-dua kaedah tersebut digunakan serentak.

Pengkaji telah tinggal di Kampong Kuala Kerdau ini selama satu bulan. Sebelum memulakan kerjaluar ini, penkaji telah melakukan 'Pilot Survey' disamping itu telah membuat listing ke atas Ketua Rumah penduduk kampung ini. Dalam memilih sample, pada mula pengkaji telah menggunakan kaedah sistematik random, tetapi semasa melakukan kerjaluar ini telah timbul banyak kesulitan untuk bertemu dengan responden yang terpilih. Maka pengkaji terpaksa mengubah cara pemilihan

responden dengan menukar kepada responden-responden yang berada dirumah ketika pengkaji membuat lawatan. Walaubagaimanapun pengkaji tetap berpegang kepada responden yang telah dipilih terlebih dahulu melainkan setelah timbul kesukaran seperti yang disebut tadi.

(i) Cara Soalselidik (questionaire)

Untuk mendapatkan data, pengkaji juga telah menggunakan soalselidik. Ini adalah penting dengan menggunakan soalselidik ini, pengkaji akan dapat mengumpul data-data atau maklumat dari responden dengan lebih teratur. Soalselidik ini adalah berbentuk 'Open ended' dan 'closed ended'. Soalselidik yang berbentuk 'open ended' ini adalah satu kaedah dimana responden bebas untuk menjawap soalan-soalan yang dikemukakan kepada mereka. Manakala soalselidik yang berbentuk 'closed ended' pula ialah setiap soalan itu, telah ditetapkan jawapannya dan responden mesti menjawap setiap soalan itu berpandukan kepada jawapan yang ditetapkan.

(ii) Temu-ramah (Interview)

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah 'interview' dengan penduduk-penduduk kampung ini dan juga dengan Penghulu Mukim, Ketua Kampung serta pegawai-pegawai Kerajaan yang ada kaitan dengan tugasnya di kampung ini. Pengkaji juga telah

pergi ke Pejabat Daerah di Temerloh untuk melihat rekod-rekod yang berkaitan dengan projek pembangunan di Mukim Kerdau ini.

(iii) Penyertaan dan pemerhatian (participation-observation)

Kaedah ini amat popular dikalangan ahli-ahli antopologi. Oleh kerana kaedah ini dapat memberi maklumat yang lebih jelas mengenai kehidupan komuniti yang dikaji, pengkaji telah menyertai beberapa program yang telah diadakan oleh penduduk-penduduk kampung ini seperti menghadiri majlis perkahwinan dan juga menyertai masyarakat mukim ini. Dari ini pengkaji telah dapat melihat perhubungan atau interaksi sosial dikalangan masyarakat kampung ini serta data-data yang berkaitan dengan bidang kajian telah dapat dicatitkan.

(iv) Pengumpulan bahan-bahan dari pembacaan buku-buku, majalah dan rencana-rencana

Sebelum pengkaji melakukan kerjaluar ini, pengkaji telah membuat pembacaan-pembacaan yang mempunyai kaitan dengan kajian-kajian yang akan dilakukan. Disamping itu pengkaji juga menggunakan 'secondary data' samada data-data yang telah didapati dari Pejabat Daerah Temerloh dan dari rekod yang tersimpan di Pejabat Penghulu Mukim ini.

1.4. Masalah dan Kesulitan Kajian

Semasa membuat penyelidikan ini, pengkaji telah menghadapi beberapa masalah dan kesulitan. Masalah utama yang dihadapi oleh pengkaji ialah, amat sukar sekali untuk mendapatkan data-data dan keterangan yang benar dan tepat. Terutama sekali apabila pengkaji cuba mendapatkan data-data berkenaan dengan jumlah pendapatan, perbelanjaan dan simpanan daripada responden. Boleh dikatakan hampir semua responden memberi jumlah perkara-perkara tersebut secara anggaran saja berdasarkan kepada kebiasaan mereka. Lagipun responden tidak berapa suka untuk membincangkan dan memberi jumlah pendapat mereka, ini adalah kemungkinan mereka segan atau takut untuk memberi angka-angka yang benar. Kebanyakan dari mereka ini memberi jawapan dengan ucapan 'terpulanglah' dan 'susah' apabila pengkaji mengemukakan soalan tersebut. Kadang-kadang ia menimbulkan persoalan kepada pengkaji sendiri kerana ada yang memberi jumlah pendapatan mereka lebih kecil daripada jumlah perbelanjaan bulanan mereka. Kalau difikirkan secara logik, sememangnya tidak munasabah dengan jumlah pendapatan dibanding dengan jumlah perbelanjaan mereka. Begitu juga persoalan pemilikan tanah. Responden lebih cenderung untuk memberi jawapan yang tidak tepat, misalnya kalau mereka memilih tanah sebanyak enam ekar, mereka lebih suka mengatakan sebanyak lima ekar saja. Oleh itu pengkaji terpaksa berhati-hati terhadap jawapan yang

diberikan dan juga pengkaji terpaksa melakukan 'cross check' dengan jiran-jiran responden atau orang-orang tertentu yang tahu keadaan yang sebenarnya.

Kesulitan yang kedua, ialah timbulnya perasaan 'bias' atau curiga dikalangan responden. Ini adalah disebabkan, ujudnya pertentangan politik dikalangan penduduk kampung ini dimana terdapat segolongan penduduk yang menganuti fahaman politik PAS dan sedangkan UMNO merupakan parti politik yang dominan disini. Akibat dari perbezaan fahaman ini, ada responden dan penduduk disini menganggap bahawa tujuan kajian ini adalah merupakan alat kerajaan untuk mencari rahsia mereka. Jadi pengkaji terpaksalah memberi penerangan kepada mereka dengan lebih jelas lagi dan kalau ada yang tidak mahu menerimanya pengkaji terpaksa memberhentikan soalselidik dan memilih responden lain.

Masalah ketiga ialah masa yang digunakan semasa membuat kerjaluar ini. Setiap lawatan selalunya, pengkaji mengambil masa diantara 30 minit hingga satu jam, kadang-kadang lebih dari masa itu. Lagipun untuk bertemu dengan responden yang terpilih amat sukar sekali, kerana mereka ini jarang berada dirumah disebelah pagi, begitu juga disebelah petang. Waktu yang selalu mereka berada dirumah ialah waktu tengahari sebelum waktu zohor. Oleh sebab itu pengkaji kadang-kadang hanya mempunyai masa dua hingga tiga jam saja

untuk bertemu dengan responden. Disebelah malam pula, pengkaji tidak dapat membuat lawatan kerana keadaan kampung itu yang sunyi dan tidak ada lampu jalan, jadi pengkaji terpaksa melakukan lawatan kerumah responden pada waktu siang saja. Apabila timbul kesukaran bertemu dengan responden setelah dua tiga kali pengkaji membuat lawatan kerumah mereka, maka terpaksalah pengkaji menemuramah isteri responden. Dan juga pengkaji terpaksa memilih responden yang sempat ditemui atau kebetulannya responden itu berada dirumah mereka ketika pengkaji membuat lawatan.

Masalah keempat ialah gangguan ketika pengkaji sedang menyoal responden. Ini berlaku apabila jiran sebelah menyebelah atau kawan-kawan responden datang bertanya bergai-bagai soalan dan mendengar temu-ramah yang sedang dijalankan. Keadaan ini menyebabkan responden tidak dapat memberi jawapan yang benar atau tepat kerana kadang-kadang sebelum responden sempat menjawab soalan dari pengkaji, kawan responden telah menjawab atau telah memberi pandangannya terlebih dahulu. Jadi jawapan dari responden telah dipengaruhi oleh jawapan yang diberi oleh kawannya itu. Untuk mengatasi masalah ini, pengkaji terpaksalah memberhentikan soalan-soalan yang berkaitan dan bertanyakan soalan-soalan lain atau berbual hal-hal yang lain dan pengkaji terpaksa datang semula bertemu dengan responden itu pada masa yang lain.

## 1.5. Latar Belakang Tempat Kajian

### 1.5.1 Sejarah

Mengikut cerita Ketua Kampung Kuala Kerdau, nama kampung ini berasal dari pokok kerdau yang dahulunya banyak terdapat di tebing sungai di-kampung itu. Semasa perang saudara Pahang dahulu Wan Ahmad alah kepada Bendahara Tun Mutahir telah lari mudik Sungai Pahang dan telah berkubu di-tebing Sungai Pahang dan baginda telah membina kubu tersebut dari batang-batang pokok kerdau yang banyak terdapat disitu. Oleh kerana banyaknya pokok kerdau dan batang kerdau ini amat keras dan tahan lama maka baginda telah menamakan tempat itu sebagai Kampong Kuala Kerdau sempena pokok kerdau itu.

Tempat ini sekali lagi menjadi kubu bagi Dato Bahaman semasa beliau melancarkan peperangan menentang Inggeris yang berada di Temerloh. Di Kampung Kuala Kerdau inilah setiap pergerakan Dato Bahaman dan pengikutnya diatur dan merupakan tempat untuk memulakan serangan ke atas pihak Inggeris, sebelum beliau dan pengikutnya lari ke-Ulu Sungai Pahang.

Mengikut kenyataan Ketua Kampung Kuala Kerdau ini, dahulunya kampung ini merupakan salah sebuah kampung yang ramai jumlah penduduknya. Oleh kerana ia terletak ditebing sungai maka ia amat baik sekali dijadikan sebagai tempat persinggahan bagi penduduk-penduduk kampung lain. Hanya sejak akhir-akhir ini kampung tersebut mula menjadi sepi oleh kerana ramai penduduk dari kampung ini telah berpindah ketempat lain.

1.5.2. <u>Geografi dan Penduduk</u>

Kampung Kuala Kerdau terletak ditebing Sungai Pahang yang dahulunya menjadi perhubungan utama ke Bandar Temerloh lebih kurang sejauh dua belas batu. Sekarang kampung ini boleh dihubungi dengan jalanraya yang telah siap dibina pada tahun 1959.

Mengikut bancian yang dilakukan oleh Pejabat Daerah Temerloh dalam tahun 1982, penduduk di Kampung Kuala Kerdau ini ialah seramai 439 orang dan terdapat 90 keluarga. Luas kawasan kampung ini ialah 163.925 hektar; 12.455 hektar merupakan tanah rezab kerajaan dan 151.470 hektar ialah tanah milik penduduk kampung ini. Kegunaan

tanah sebanyak 374 ekar.

Penduduk di kampung ini adalah terdiri daripada orang-orang Melayu. Menurut data yang diberi oleh Pejabat Daerah pekerjaan utama penduduk disini ialah kerja kampung seramai 26 keluarga, sebagai Petani dan Penoreh Getah seramai 45 keluarga, yang berniaga seramai 2 keluarga dan bakinya sebanyak 17 keluarga yang bekerja di pejabat kerajaan dan swasta.

Kampung Kuala Kerdau merupakan sebuah kampung tradisional yang tertua di Mukim Kerdau. Terdapat empat kampung kecil yang merangkumi Kampung Kuala Kerdau ini. Kampung-kampung itu ialah Kampung Humaluas, Kampung Ketapi, Kampung Baru Bukit Ketumbit dan Kampung Panchol. Ramai penduduk-penduduk yang tinggal di kampung ini terutamanya di tebing Sungai Pahang telah berpindah ke kawasan darat iaitu yang lebih berdekatan dengan jalan besar yang menuju ke Temerloh atau ke Jerantut.

Pertempatan penduduk secara keseluruhan boleh dikatakan samada bertumpu dan berjajar. Disepanjang-panjang jalanraya dan kawasan yang

berdekatan dengannya padat dengan rumah-rumah, terutamanya di kawasan Kampung Baru Sri Ketumbit dimana kerajaan telah memberi tanah-tanah tersebut kepada penduduk di Mukim Kerdau ini terutamanya penduduk yang asalnya tinggal ditebing Sungai Pahang. Hanya terdapat empat buah keluarga saja lagi yang masih tinggal berdekatan dengan Sungai Pahang. Tumpuan yang lebih padat terdapat di Kampung Humaluas dan Kampong Baru Sri Ketumbit.

### 1.5.3. Kemudahan Sosial

Kampung Kuala Kerdau ini secara keseluruhannya mendapat kemudahan-kemudahan asas-awam dan sosial yang agak sempurna. Jalanraya utama yang menuju ke Bandar Temerloh atau Mentakab dan menuju ke Jerantut telah siap dibina pada tahun 1959. Jalan yang terdapat didalam kawasan kampung ini boleh dibahagi kepada tiga katogeri. Pertama Jalan Tar yang panjangnya sejauh dua batu, kedua Jalan Tanah Merah panjangnya satu batu setengah (1½) dan Jalan Kampung sejauh dua batu.

Terdapat dua buah sekolah yang telah didirikan oleh kerajaan di Kampung Kuala Kerdau ini, iaitu Sekolah Menengah yang telah dibuka pada

tahun 1983 dan Sekolah Rendah yang telah dibuka pada tahun 1965. Pada asalnya Sekolah Rendah ini terletak berdekatan dengan Sungai Pahang tetapi disebabkan masalah banjir ia telah dipindahkan ke darat sedikit. Sekolah Rendah terdapat 73 orang murid dengan enam orang tenaga pengajar, sementara di Sekolah Menengah yang terletak di simpang jalan besar terdapat 146 orang murid dengan 20 orang tenaga pengajar. Terdapat juga sebuah masjid lama yang terletak berdekatan dengan Sungai Pahang.

Kemudahan letrik telah mula dinikmati oleh penduduk disini sejak awal tahun 1970 dahulu, tetapi pada masa itu bekalan letrik hanya untuk dua belas jam saja, hanya sebulan yang lalu saja mereka dapat menikmati kemudahan letrik bagi 24 jam. Tetapi tidak semua penduduk disini mampu untuk biaya memasang letrik kerumah mereka. Bagi bekalan air pula, walaupun terdapat loji bekalan air, tapi tidak sampai separuh penduduk disini dapat menikmatinya. Ini disebabkan kos untuk memasang paip air adalah tinggi maka ramai penduduk disini menggunakan bekalan air perigi atau sungai saja.

University of Malaya

<u>Kesimpulan</u>:

Pada umumnya, Kampung Kuala Kerdau boleh dikatakan menerima kemudahan-kemudahan ekonomi dan sosial yang agak sempurna. Walaubagaimanapun, ini tidak bererti bahawa ianya dinikmati oleh semua golongan penduduk dikampung ini, dimana pada hakikatnya kedapatan segelintir golongan yang tertinggal dibelakang didalam kemajuan ini. Umumnya, golongan ini adalah dikalangan pekebun-pekebun kecil getah, dimana didalam arus pembangunan yang menuju kearah kemajuan, golongan ini masih bergelut dengan kemiskinan.

University of Malaya

# BAB II

# KONSEP DAN TEORI DALAM PEMBANGUNAN DAN KEMISKINAN

## 2.1. Pengenalan

Masalah kemiskinan, kemunduran, pengangguran dan ketidaksama sosial merupakan satu masalah utama yang dihadapi oleh negara-negara dunia ketiga. Dengan ini pembangunan adalah sebagai satu alternatif untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Dalam bab ini akan dibincangkan tentang konsep dan teori dalam pembangunan dan kemiskinan sebelum melihat bagaimana pembangunan itu memberi kesan keatas masalah kemiskinan didalam masyarakat luar bandar. Bab ini juga akan cuba menggambarkan tentang hubungan kaït antara pembangunan dan kemiskinan itu.

## 2.2. Pengertian Pembangunan

Mengikut Syed Husin Ali, pembangunan boleh diertikan sebagai "..... membangun segala bentuk pembangunan dalam semua lapangan dengan sepenuh tumpuan dan mementingkan soal-soal yang asas dan tidak soal-soal lambang saja .... ".

(1976 : 16)

Disini Syed Husin Ali melihat pembangunan itu dari

aspek untuk membangunkan masyarakat khususnya dalam pembangunan ekonomi. Ini adalah kerana setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, pembangunan telah menjadi sumber aspirasi dan usaha seluruh dunia yang mana setiap negara didunia khusunya negara-negara dunia ketiga telah mengambil dan menetapkan beberapa dasar untuk pembangunan negara masing-masing.

H. Bernstein pula telah mengtakrifkan pembangunan sebagai:

> " .... the emphasis on conscious action to effect large scale change in a desired direction, utilizing in a centralized or at least co-ordinated way the resiources available to gives polical units ...... "
>
> (1973 : 13)

Kalau Syed Husin Ali melihat pembangunan itu dari sudut membangunkan ekonomi tapi bagi H. Bernstein pula meletakkan pembangunan itu sebagai mempunyai kepentingan politik. Oleh kerana pembangunan memerlukan satu perancangan dasar yang teliti supaya dapat menjamin kejayaan dalam program pembangunan tersebut, maka pengertiannya memerlukan satu garis panduan supaya sesebuah negara itu dapat melaksanakan dasar pembangunan itu dengan lebih kompenhensif. Ini amat penting sekali dititik beratkan kerana masalah pengtakrifan pembangunan selalunya menimbulkan pengertian yang begitu sempit. Seperti melihat pembangunan itu dari satu arah saja iaitu samada

melihat dari sudut sosial atau pembangunan dari segi politik saja. Pengertian seperti ini tidak melihat pembangunan itu dari segal aspek secara satu atau total. Oleh itu, kita perlulah melihat pembangunan itu dari segala aspek kerana pembangunan itu yang sebenarnya melibatkan sebuah negara diperingkat nasional tidak sekadar kepada individu dalam masyarakat negara tersebut.

Dalam hal ini Griffin dan Enos menekankan betapa pentingnya satu perancangan pembangunan itu dapat merangkumi kesemua bidang, sepertimana dijelaskan oleh mereka.

> " Each economic decision is also a political and social decision, for one cannot change the structure of the economy without changing the distribution of power (politics) or the relations between its citizens (society) because economic dicision here political and social consquences ..... "
>
> (1970 : 6)

Berhubung dengan konsep di atas, dasar pembangunan itu mestilah merangkumi segal aspek iaitu baik dari segi sosial, ekonomi, politik walaupun melibatkan dari segi budaya negara tersebut. Ini adalah kerana pembangunan sesebuah negara itu adalah untuk dinikmati oleh kesemua rakyat negara tersebut dan sebagai seorang manusia, ia memerlukan penglibatan dalam segala aspek baik dalam bidang ekonomi, sosial dan politik negara tersebut. Dengan sebab itulah Bangsa-

Bangsa Bersatu telah memberi satu definisi pembangunan bukan saja dilihat dari segi kebendaan tetapi juga diambil kira dalam aspek membaiki keadaan sosial masyarakat, dalam perkataan lain, disamping pertumbuhan ekonomi, pembangunan itu juga merangkumi pertumbuhan dalam bidang sosial, kebudayaan dan institusi-institusi negara.

Pengertian ini adalah selaras dengan pendapat G.M. Meier (1970:5). Bagi Meier pembangunan ekonomi itu hanyalah sebahagian daripada pembangunan nasional kerana bagi beliau pembangunan nasional merangkumi segala aspek yang total dan dapat memberi erti kepada masyarakat negara tersebut untuk membentuk identiti nasional.

Istilah pembangunan juga dikuatkan dengan istilah-istilah lain seperti kemajuan (progress) dan pertumbuhan (growth ). Pandangan itu telah dikemukakan oleh Galeski.

> " The ideological conuotation or emotion involved with the term development gave it a meaning close to the term progress, and both terms were frequently used synonymously "
>
> (1972:273)

Pendapat ini adalah dipengaruhi oleh idea pembangunan yang berdasarkan idea kemajuan atau evolusi yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh evolusi klasik seperti Morgan,

University of Malaya

Taylor, Spencer dan Durkheim; yang melihat perkembangan masyarakat itu mempunyai unsur-unsur kemajuan. Ahli-ahli evolusi klasik ini telah dipengaruhi oleh natural science - jadi mereka menganggap bahawa perubahan manusia adalah secara evolusi sepertimana Morgan mengatakan bahawa kehidupan manusia adalah bermula dari peringkat bawah iaitu dari cara hidup savagery kemudian melalui tahap babarisun dan kemudian ketahap tamaddun. Bagi mereka, manusia dan masyarakat itu mestilah melalui tahap-tahap tertentu sepertimana yang terdapat dalam Ilmu Sains Kajihayat iaitu dari peringkat manusia itu dilahirkan menjadi bayi kemudian muda, dewasa dan peringkat akhirnya ialah tua (mati). Proses sedemikian memanglah terjadi dalam fitrah alam dan ia mengambil masa yang lama dalam mencapai keperingkat akhir.

Keadaan ini tidak boleh disamakan dengan konsep pembangunan kerana pembangunan merupakan satu proses yang telah dirancang secara teliti dan telah menilai hasil-hasil yang akan dicapai, maka sudah tentu proses pembangunan itu tidak semestinya malalui peringkat-peringkat tertentu untuk mencapai peringkat matlamatnya bahkan ia boleh mencapai dalam jangka masa yang lebih pendek.

Penggunaan istilah pembangunan dan pertumbuhan ini, Belshaw telah melihat dari sudut Antropologi, dimana beliau telah membezakan diantara konsep pertumbuhan (growth ),

University of Malaya

prestasi (performance) dengan pembangunan. Bagi Belshaw pertumbuhan adalah perubahan dalam isipadu barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan, atau kuasa pembelian dan lain-lain yang merupakan penunjuk-penunjuk yang semulajadi. Bagi konsep prestasi pula ialah diertikan sebagai darjah kepuasan atau nilai faedah yang dapat diberikan oleh pelakuan dan proses anggota masyarakat. Manakala pembangunan diertikan sebagai menunjukkan kemampuan masyarakat untuk mencapai objektifnya dan melaksanakan perancangan dengan berkesan. Dengan keterangan yang diberikan oleh Belshaw itu dapatlah dikatakan bahawa pertumbuhan itu adalah suatu proses yang semulajadi, dimana suatu perubahan dalam isipadu telah berlaku dalam penunjuk-penunjuk tertentu. Ini memberi suatu perubahan dalam kuantiti telah terjadi. Oleh itu sesebuah negara yang mengalami pertumbuhan dalam sektor ekonomi walaupun sosial dan politik tidak semestinya diikuti dengan kemajuan dan pembangunan. Namun begitu kedua konsep ini - pembangunan dan pertumbuhan; mempunyai hubungan kait dan berterusan, dimana pertumbuhan ekonomi akan diikuti pula oleh kemajuan dan pembangunan dalam ekonomi.

D. Seer dalam artikelnya yang bertajuk ' The Meaning Of Development ' telah membincangkan hubungan antara pertumbuhan dan pembangunan ini. Dimana beliau mengatakan bahawa pembangunan akan berlaku dalam dua proses. Pertama pertumbuhan dan pengagihan pendapatan adalah untuk mengatasi

masalah sosial dan politik. Disini beliau telah menekankan bahawa pertumbuhan dan pembangunan ekonomi yang lebih pesat memungkinkan perkembangan yang pesat dalam sesebuah negara itu dan ini berlaku sekiranya ada proses pengagihan pendapatan dari pertumbuhan dan pembangunan ekonomi itu. Seer telah mengambil taraf pendapatan kebangsaan (nasional) sebagai potential indicator bagi pembangunan. Dengan ini menunjukkan bahawa lebih tinggi Keluaran Negara Kasar maka dengan adanya agihan dalam pendapatan menyebabkan pendapatan per-kapita adalah tinggi. Ini menunjukkan pembangunan itu berlaku dan dapatlah mengatasi masalah-masalah sosial dan politik negara tersebut. Disamping itu Seer juga mengatakan bahawa taraf pelajaran, kebebasan bersuara, kewarganegaraan bangsa yang tidak dipengaruhi oleh ekonomi dan politik adalah juga merupakan sebahagian daripada matlamat-matlamat pembangunan.

Pandangan dan pendapat Seer ini adalah dalam memberi objektif pembangunan itu, dimana matlamat pembangunan itu adalah untuk masyarakat nasional sesebuah negara itu bukan sekadar dinikmati oleh segelintir daripada masyarakat itu. Sepertimana di Malaysia, seharusnya bercorak pembangunan nasional yang merangkumi masyarakat bandar walaupun masyarakat luar bandar, supaya pembangunan itu dapat mengatasi masalah kemiskinan, ketidaksamaan dan pengangguran. Walaubagaimanapun definisi pembangunan tidak dapat diberi secara mutlak kerana

timbul masalah dalam memberi penekanan tentang bidang dan bagaimana untuk mengukur pembangunan itu didalam sesebuah negara. Ini timbul kerana masalah dan keadaan dalam negara-negara didunia ini khususnya dinegara dunia ketiga atau negara mundur adalah tidak sama antara satu sama lain.

2.3. Pendekatan Teori-Teori Pembangunan

Dalam pengertian pembangunan yang lebih khusus dan berkait rapat dengan perubahan berencana, ia bermakna suatu proses perubahan berlaku hasil dan usaha dan kesedaran manusia untuk mencapai sesuatu matlamat mengikut rancangan-rancangan tertentu. Dari sini timbul beberapa model dan teori yang akan menjadi asas dalam perancangan pembangunan tersebut. Pada umumnya model dan teori itu bolehlah dikatakan bercorak 'methodologi constructs' yang berbentuk sesuai dengan batasan-batasan displin untuk mengkaji aspek-aspek proses dan arah sesuatu perubahan itu.

Bagi ahli-ahli sain-sosial terdapat berbagai-bagai teori dan methodologi constructs tentang pembangunan ini. A.E. Havens telah mengariskan kepada dua model dan teori iaitu pendekatan conflict dan pendekatan Equilibrium. Pembahagian ini dibuat secara umum berdasarkan kepada unit-unit idea yang menjadi asas filasafah dan epistimologi displin-displin antropologi dan sosiologi.

Dalam pembahagian masih ujud kelemahan kerana tidak semua idea-idea teori itu, tidaklah menjejaskan persoalan-persoalan pokok dalam teori pembangunan ini. Oleh kerana tokoh-tokoh tersebut, samada dari model Equilibrium yand didokong oleh golongan konservatif walaupun dari model Conflict yang didokong oleh golongan radical masih menggunakan gagasan atau falasafah dari kedua-dua pendekatan itu dalam kajian yang sama atau yang berlainan. Terdapat juga sebahagian dari mereka telah cuba mensintesiskan idea-idea dari kedua-dua pendekatan/model tersebut. (T.B. Bottomone 1975:55-71)

Dalam keadaan terdapat perbezaan idea-idea teori ini, Lenski menegaskan bahawa:

> " .... conserVatives here not always agreed among themselves, nor here radicall. The only belief common to all conservatives had been their that the existing system of distributions was basically just; the only belief common to all radicals has been their belief that it was basically unjust. On other matters there has been no single conservatives or radical position to which each and every adherent subscribed ....... "
>
> (G.E. Lenski 1966:22)

Dalam melihat model pembangunan ini - model Equilibrium dan Conflict; Havens mengatakan bahawa pendekatan teori ini berdasarkan kepada beberapa isu penting yang ber-

kaitan dengan pembangunan masyarakat. Dalam model Equilibrium dapat diumumkan bahawa pendekatan ini melihat kepada pembangunan itu sebagai faktor yang mana dapat ia menyelesaikan masalah-masalah teknikal yang muncul dalam usaha meninggikan kadar pertumbuhan sesebuah negara itu. Dan pendekatan ini mengandaikan bahawa ujudnya interaksi sosial yang harmonis dan masalah ketidaksamaan dalam masyarakat merupakan fitrah manusia. Oleh itu tugas negara adalah penting untuk mengatasi dan mengurangkan pergeseran ini. Atas dasar inilah tokoh-tokoh pendekatan Equilibrium mengemukakan model-model pembangunan yang mengutamakan perubahan pelakuan individu dalam sistem masyarakat dan bukan mengubah secara total sistem masyarakat tersebut.

Bagi tokoh-tokoh Conflict menganggap bahawa isu-isu pembangunan mempunyai matlamat yang lebih luas dan secara total tidak hanya sekadar untuk meninggikan kadar pertumbuhan dan menyelesaikan masalah teknik bagi sesebuah negara itu. Dengan sebab inilah mereka menganggap hubungan sosial dalam masyarakat adalah bercorak eksploitatif dengan masalah ketidak seimbangan hanya dapat melahirkan konflik dalam masyarakat. Disinilah bagi mereka, peranan negara adalah amat penting untuk menstabilkan masyarakat sebagai penekan (oppression) bagi masyarakat yang dalamnya ujud pengelutan kelas. Mereka juga mengambil persoalan-persoalan sejarah sebagai persoalan yang penting dalam membincangkan model-model pembangunan,

dengan menekankan bagaimana ujudnya sesuatu masyarakat seperti yang ada pada masa kini dan juga dari persoalan interaksi, struktur masyarakat dan paras pergantungan yang wujud pada masa itu diantara sebuah negara dengan sebuah negara yang lain.

2.4. Model "Equilibrium" Dan Model Conflict

Dalam model Equilibrium terdapat tiga carian yang dikemukakan oleh A.G. Frank iaitu Behavioural, Psychodynamic dan Diffusionist. Dalam menghuraikan varian pelakuan dan psychodynamic, A.G. Frank menekankan tentang perubahan diperingkat pelakuan individu dan psikologi individu yang merupakan satu unit dari masyarakatnya.

Pendekatan psychodynamic ini menggunakan teori dualisme dan teori kemunduran Tradisional State dan ia menekankan kepada ciri-ciri sosial, budaya dan psykologi yang merupakan faktor penting dalam menggalakkan modenisasi dan pembangunan ekonomi. Pendekatan ini melihat dari dua perspektif. Pertama dengan membuat penganalisaan pada halangan-halangan yang berbentuk institusional yang ujud dalam masyarakat mundur dalam usaha untuk mencapai matlamat, iaitu pengwujudan the economic man personality. Asas perspektif ini ialah mengandaikan bahawa pembangunan dan modenisasi berlaku dengan adanya inisentif-inisentif ekonomi.

Perspektif kedua ialah mengandaikan bahawa halangan-halangan yang berbentuk institusi dalam masyarakat mundur mempunyai hubungan dengan " ..... the static, tradition oriented societies governed by an authoritarian regime..... ". Dari kedua-dua perspektif ini merupakan saling melengkapi antara satu sama lain, kerana ia mempunyai persamaan dari penekanan teori kemunduran bercorak psikologi sosial untuk menghuraikan keadaan masyarakat mundur yang mana mengikut pendapat McClelland negara-negara mundur ini cenderung untuk mempunyai kegunaan pencapaian yang rendah untuk ber-afiliasi yang rendah tetapi mempunyai keinginan untuk berkuasa yang tinggi. Sementara itu Hagen berpendapat bahawa negara-negara mundur mempunyai keinginan untuk berperaturan dan keinginan untuk menikmati otonomi adalah rendah, sementara itu pula keinginan untuk bergantungan dan menyerah diri adalah kongkongan adalah tinggi.

Dari kedua-dua perspektif itu menunjukkan bahawa kemunduran akan terus berlaku sekiranya tidak ada perubahan dalam suasana sosial, psikologi dan budaya yang melahirkan sahsiah-sahsiah yang tradisional, tidak kreatif dan authoritarian. Oleh sebab itu bagi membangunkan dan memoden-kan negara-negara mundur, perlulah ujud satu polisi dan program yang mengandungi usaha-usaha untuk membasmi suasana tersebut. seperti menunjukkan keinginan untuk berperaturan yang tinggi dan kesanggupan mendedahkan diri pada pengalaman-pengalaman

baru yang dapat melahirkan satu jenis sahsiah yang berbentuk ekonomi, yang mana dengan ini dapat membawa pembangunan dan modenisasi.

Pendekatan diffusionist merupakan varian ketiga, ia lebih menekankan tentang masyarakat tidak hanya kepada individu xebagaimana dalam pendekatan behavioural dan psychodynamic. Dalam pendekatan diffusionist cuba melihat bagaimana angkubah-angkubah penting dalam proses difusi sehala dari proses modenisasi kepada masyarakat tradisi. Pendekatan ini berlandaskan kepada dua andaian. Pertama, wujudnya dualisme sosial yang masyarakat berdasarkan kepada kegunaan teknoloji moden.

Kedua pembangunan akan berlaku melalui kemasukan modal dan teknoloji baru dalam masyarakat tradisi. Dari kedua-dua andaian ini, menekankan tentang konsep-konsep lingkaran difusi iaitu dari mana diffusi itu berlaku dan bagaimana kadar pembangunan itu diterapkan kepada sesebuah negara mundur. Dengan kata lain penekanan ini menganggap bahawa negara-negara maju atau moden semestinya menyalurkan dan menyerapkan pengetahuan, kemahiran organisasi, nilai, institusi, teknoloji dan modal ke negara atau masyarakat negara mundur itu. Keadaan ini boleh dilakukan melalui integrasi, diffusi dan akulturasi yang sesuai.

University of Malaya

Dalam model Equlibrium ini terdapat satu lagi pendekatan iaitu yang dikenali sebagai Ideal Typical Index atau Index Typoligical. Pendekatan membawa dua varian iaitu pendekatan dari Pattern Variable dan pendekatan persejarahan (Historical). Kedua-dua varian ini melihat dari perspektif evolusioner. Dalam pendekatan Pattern Variable menekankan perubahan dan/atau penukaran variable dalam ekonomi tradisional ke variable ekonomi moden. Pendekatan ini juga memberi penekanan tentang perubahan dari segi budaya dan struktur sosial pasti berlaku semasa proses peralehan itu dilaksanakan.

Dari pendekatan sejarah pula, ia melihat pembangunan itu berubah mengikut tahap-tahap tertentu seperti apa yang berlaku ke atas negara-negara maju. Ideal-Typical Index ini memperlihatkan hubungan diantara masyarakat/sektor tradisional dengan masyarakat/sektor moden. Oleh itu andaian pendekatan ini bahawa kemunduran dikaitkan dengan keadaan tradisional sesuatu masyarakat. Keadaan tradisi dan moden ini adalah dikatakan mempunyai hubungan dua bahagian dalam satu dikotomi. Ini berasaskan kepada dua teori pembangunan dan kemunduran iaitu teori kemunduran tradisional state dan teori klasik dualisme yang dilandaskan kepada sejarah perkembangan beberapa buah negara maju terutamanya di Amerika dan Eropah. Untuk mencapai matlamat pembangunan dan modenisasi disesebuah negara mundur itu bolehlah dilihat apabila berlakunya perubahan pada idea-types negara mundur dan

mengamalkan idea-types negara moden/maju. Konsep dualisma dalam perubahan itu merupakan pembangunan yang lebih kepada idea dan proses difusi dan intergrasi dari moden ke tradisional.

Kembalikan dari model Equalibrium itu ialah model Conflict. Menurut A.E. Havens terdapat dua jenis pendekatan penting dalam model Conflict ini iaitu structuralist non-marxist dan marxist. Pendekatan ini menekankan unsur-unsur konflik yang timbul dalam masyarakat hasil dari perubahan dalam sesebuah negara itu. A.G. Frank telah mengemukakan satu analisa yang sismatik secara serentak tentang fenomenal kemunduran dan pembangunan. Walaubagaimanapun pendekatan ini tidaklah menolak sepenohnya faedah-faedah yang wujud dalam struktur masyarakat seperti struktur besar negara dan ekonomi. Bagi pendekatan ini konflik akan timbul apabila adanya konkongan dan penindasan ke atas kebebasan individu. Dengan adanya konflik dalam masyarakat akan dapat membantu meletakkan hak-hak politik dan sosial individu ketempat tertentu dalam masyarakat itu, seolah-olah konflik dalam masyarakat itu menjadi mekanisme untuk menstabilkan masyarakat dalam sesebuah negara itu.

A.G. Frank dalam mengemukakan pendekatan konflik itu telah menolak teori-teori pembangunan dan kemunduran dari golongan equilibrium, terutamanya teori Ideal-Typical Index,

Diffusional dan Psychological. Beliau menganggap teori-teori tersebut adalah

> ' Emprically invalid when confranted with reality, theoretically inadequate in terms of its own classical social scientific standards and policy wise ineffective for pursuing its supposed intentions of promoting the development of the under developed countries ... '
> (1970:20)

Frank berpendapat sedemikian kerana bagi beliau, analisis Idea-types merupakan satu analisa yang amat mengelirukan tentang kualiti kemunduran kerana pendekatan-pendekatan konvensional tersebut telah dicampuradukkan dengan realiti yang hypotetikal dengan realiti persejarahan yang sebenarnya. Dengan itu apa yang dapat dilihat dari abalisis-analisis tersebut hanyalah merupakan satu ciri idea-types negara-negara mundur dan analisis itu tidak menghuraikan bagaimana kemunduran tersebut masih tetap merupakan masalah nasional. Bagi Frank kemunduran dinegara-negara dunia ketiga adalah disebabkan faktor-faktor sejarah kolonialism yang lama dan ini melibatkan faktor-faktor sistem ekonomi, sosial dan politik yang merupakan hubungan diantara negara-negara maju dan mundur itu. Alasan inilah, Frank menolak strategi difusi, dualistik dan integrasi yang cuba dikemukakan oleh model-model Equilibrium dalam rancangan modenisasi; ekonomi negara-negara mundur. Lagipun mengikut

Frank pembinaan strategi dan dasar pembangunan model equilibrium itu yang berlandaskan kepada realiti dualistik yang tidak sesuai dan tepat untuk diapplikasikan kepada negara-negara mundur.

Frank telah menekankan bahawa oleh kerana telah wujudnya sejarah kolonialism yang lama, menyebabkan sistem kapitalis telah dapat menembusi dan bersarang kesemua sektor masyarakat mundur, walaupun negara-negara itu telah mencapai kemerdekaan masing-masing kerana telah timbul bentuk penjajahan baru yang dikenali sebagai neo-kolonialism. Maka dengan keadaan ini mengwujudkan hubungan yang dikenali sebagai hubungan metropolis-satellite. Dalam hubungan terdapat dua aspek penting iaitu diperingkat antarabangsa, dimana negara-negara mundur sebagai negara satellite dan negara-negara maju sebagai metropolis. Bagi peringkat kedua ialah diperingkat lokal, iaitu pusat-pusat bandar adalah metropolis dan kawasan luarbandar/desa sebagai satellite. Dari hubungan ini, metropolis merupakan golongan kapitalis yang sentiasa mengambil kesempatan untuk menindas dan mengekspolaitasikan ekonomi satellite. Hubungan antara metropolis dan satellite dapat dilihat seperti dalam rajah ini.

**RAJAH I**




**Sumber:** Rajah ini telah disusun oleh Shamsul Amir Baharuddin dalam RMK tujuan dan perlaksanaannya. M/S 18

Dalam teori ini melihat hubungan metropolis-satellite yang terhimpun melalui sistem kapitalis yang melaksanakan pembangunan dan kemunduran yang dapat mengwujudkan beberapa pusat yang dominan atau industrial metropolis serta negara atau kawasan luar bandar yang dikenali sebagai satellite yang sentiasa bergantungan kepada pusat metropolis. Dengan ini Frank mengemukakan hipotesis-hipotesis seperti berikut:

a. bahawa pembangunan dinegara mundur dibatalkan oleh status satellitenya.

b. bahawa satellite akan mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat kalau atau bila hubungan dengan metropolis itu lemah, atau dari segi geografi dan/atau ekonomi ianya terpisah.

c. bahawa negara-negara yang kini mundur mempunyai sejarah perhubungan yang rapat/ erat dengan penjajah/metropolis mereka dahulu.

Dari hipotesis-hipotesis itu Frank menegaskan bahawa hubungan antara pembangunan dan kemunduran adalah dua aspek yang saling melengkapi. Pandangan dan pendapat Frank ini berasaskan kepada holisme, strukturalisma dan proses dinamik. Sejarah dunia, sepertimana yang telah dikemukakan dan diterima oleh tokoh-tokoh lain dalam pendekatan marxist atau model conflict.

Dari kedua-dua gagasan iaitu model equalibrium dan model conflict adalah menyarankan dasar-dasar pembangunan yang berdasarkan kepada teori-teori dan perspektif tertentu dalam membincangkan pembangunan dan kemunduran sesebuah

negara itu.

## 2.5. Definasi Kemiskinan

Masalah kemiskinan merupakan satu fenomenal sosial yang dihadapi oleh negara-negara didunia ini terutamanya bagi negara-negara dunia ketiga. Definasi secara umum yang diberi oleh J.L. Roach dan J.K. Roach sebagai ' .... on insufficiency of basic needs '

(1972:21)

Manakala dalam International Encyclopedia of Social Science memberi definasi kemiskinan sebagai

> ' Not merely economic inequality (of poverty income, living standard etc) but also social inequality ....'
>
> (1968:398)

Manakala Gillin dan Gillin menegaskan bahawa

> ' Poverty is that condition in which a person either because of inadequate income or unwise expenditures, does not maintain a scale of living high enough to periode for his phsyical and mental efficiency and to enable him and his natural dependents to function usually according to the standards of society of which he is a member '
>
> (1950:758)

University of Malaya

Dari definisi-definisi diatas menunjukkan bahawa kemiskinan ujud apabila keadaan seseorang yang tidak mempunyai kemampuan dalam mengadakan kemudahan kehidupan yang selesa baik dari segi kemudahan sosial mahupun dari segi ekonomi. Ketidakmampuan untuk hidup dalam taraf dan 'style of living' yang boleh membawa kepuasan hati kepada seseorang itu dan 'station of livingnya' adalah dibawah status yang rendah dari kebiasaan individu yang berada dalam masyarakatnya atau masyarakat lain.

Syed Husin Ali telah memberi dua jenis keperluan yang amat penting kepada manusia. Pertama: Kemudahan sosial seperti kemudahan sekolah, hospital, air, api dan kadang-kadang kenderaan. Kedua: Keperluan asasi seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian.

Prof. Kamal Salih juga telah mengatakan bahawa golongan miskin adalah golongan yang tidak mempunyai kemampuan dalam pendapatan; tidak mampu 'access' kepada sumber-sumber kuasa sosial, kuasa politik, kuasa pemilihan, punca keluaran, pendidikan dan juga sebagai golongan yang tidak menikmati keperluan asas (perlindungan, pemakanan, pendidikan asas dan kesihatan) yang mencukupi mengikut ukuran sara hidup sesuatu masyarakat bandar atau luar bandar.

Dengan ini kemiskinan itu merupakan satu masalah

yang dihadapi oleh manusia dimana menghadapi kekurangan keperluan asas. Keperluan asas sepertimana yang telah dikemukakan oleh Prof. Kamal Salih dan Prof. Syed Husin Ali. Kalau kita melihat keadaan di Malaysia, fenomena kekurangan keperluan asas ini memanglah masih terdapat, walaubagaimanapun kita tidak boleh menolak bahawa kemudahan-kemudahan asas tidak ada. Oleh itu timbul masalah kesamaran terhadap apa yang dikatakan kekurangan keperluan asas itu kerana ada golongan yang menghadapi kekurangan keperluan asas seperti letrik dan air paip itu tidak boleh kita golongkan kedalam golongan miskin. Mungkin mereka tidak mempunyai kemudahan asas itu tetapi kehidupan mereka adalah dalam keadaan yang mewah terutamanya bagi golongan-golongan kaya dikawasan luar bandar. Maka dalam keadaan ini perlulah satu garis pengukur untuk menentukan dari sudut mana kemiskinan itu dilihat.

2.6. <u>Ukuran Kemiskinan</u>

Terdapat dua cara yang selalu digunakan oleh para Sarjana dalam menentukan ukuran kemiskinan dalam masyarakat, iaitu cara mutlak dan cara perbandingan. Ukuran secara mutlak ialah satu bentuk ukuran yang menentukan garis kemiskinan yang berpandukan kepada satu standard minima dalam taraf hidup individu atau sekelompok individu yang telah ditetapkan berdasar kepada pendapatan. Selalunya timbul masalah bagaimana dan berapakah jumlah pendapatan yang 'relevent'

dengan keadaan semasa untuk menetapkan garis kemiskinan mengikut kaedah mutlak ini, maka ia memerlukan satu penetapan kadar pendapatan yang sesuai digunakan pada masa ia digunakan itu. Keadaan ini menyebabkan garis kemiskinan sentiasa mengalami perubahan mengikut masa dan keadaan tertentu dalam sesebuah negara itu.

Manakala cara perbandingan pula, menekankan aspek kemasyarakatan dimana ia membandingkan kemiskinan dengan keadaan kedudukan taraf hidup masyarakat itu keseluruhannya. Dimana agihan pendapatan negara telah digunakan dalam cara perbandingan ini. Dengan kata lain seseorang itu dikelaskan sebagai golongan miskin, apabila pendapatannya adalah kurang dari pendapatan purata negara serta faktor-faktor alam sekitar setempat dalam penduduk negara itu diambil kira.

Dalam cara-cara ukuran kemiskinan ini, ahli-ahli sosiologi lebih cenderung untuk menggunakan kedua-dua kaedah ukuran kemiskinan tersebut. Ini adalah untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan tepat dalam melihat masalah kemiskinan ini.

## 2.7. Teori-Teori Kemiskinan

Terdapat banyak teori yang telah dikemukakan oleh para sarjana apabila melihat masalah kemiskinan ini.

Kebanyakan pengkaji sedar bahawa dalam masyarakat yang berlainan gaya hidup miskin mereka adalah berbeza dengan gaya hidup masyarakat tersebut, tetapi ciri-ciri kemiskinan itu mempunyai persamaan. Dari ciri-ciri yang serupa dan masalah yang serupa ini akan berkembang menjadi satu budaya yang dapat berkongsi bersama, dipelajari dan kemudian membentuk satu konsep yang dikenali sebagai konsep Budaya Miskin. Berkenaan dengan Konsep Budaya Miskin ini, Oscar Lewis adalah orang yang bertanggungjawab dalam memperkenalkan konsep ini. Mengikut pendapat Oscar Lewis, Budaya Miskin ialah

> " .... both adaptation and reaction of the poor to their merginal position in a class-stratified higj indeviduation, capitalistic society "
>
> (1966:XIi)

Selanjutnya beliau telah menjelaskan bahawa golongan miskin adalah:

a) Penyertaan dan integrasi golongan miskin ini dalam institusi-institusi utama dalam masyarakat umum adalah kurang.

b) Dilihat diperingkat budaya masyarakat tempatan kita akan temui bahawa keadaan rumah mereka yang serba kekurangan. Keadaan yang penuh sesak dan yang utama sekali organisasi yang

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

melewati batas keluarga asas dan lanjutan. Sekali sekala perkumpulan sementara tidak formal atau persatuan yang berbentuk sukarela.

c) Diperingkat keluarga, kita dapat lihat ketiadaan zaman kanak-kanak, terutamanya dengan keadaan hidup yang terlalu lama dikongkong, kadar kejadian suami yang meninggalkan keluarnya terlalu tinggi, kecenderungan yang lebih kearah keluarga ibu dan terjadinya pertandingan dikalangan anak-anak untuk mendapatkan kasih sayang dari penjaga mereka.

Bagi Lewis Budaya Miskin ini akan diwarisi dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Ia merupakan satu cara untuk mengekalkan kemiskinan dan penerimaan Budaya Miskin ini sebagai pencorak hidup dan akan membuat mereka terperangkap dan tidak mempunyai kesempatan untuk memperbaiki kedudukannya.

Walaupun teori Lewis ini diterima oleh setengah pihak, terdapat juga kritikan-kritikan. Menyedarkan kekurangan ini, Lewis telah menglengkapkan teorinya dengan beberapa faktor tambahan.

1) Adanya sistem ekonomi kewangan dengan buruh

University of Malaya

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

bergaji dan pengeluaran kearah keuntungan.

2) Kadar pengangguran dan pengangguran tak ketara yang meluas

3) Tingkat upah yang rendah terutamanya untuk buruh yang tidak mahir.

4) Masyarakat/pemerintah gagal memberi kemudahan-kemudahan sosial, ekonomi dan politik kepada golongan yang berpendapatan rendah.

5) Wujudnya sistem kekerabatan 'bilateral' disamping sistem kekerabatan 'unilateral'.

6) Kelas dominan didalam sesebuah masyarakat menegaskan nilai yang menghargai pengumpulan harta dan kekayaan. Individu yang gagal mendapainya akan menduduki status yang rendah.

Dalam penggunaan konsep Budaya Miskin ini, kita mestilah berhati-hati kerana penyalahan penggunaan konsep ini, boleh menimbulkan kekeliruan. Selanjutnya mengikut pendekatan 'structural', kemiskinan juga boleh dipengaruhi oleh institusi dalam masyarakat itu sendiri. Dimana dalam masyarakat terdapatnya pencapaian didalam ekonomi, sosial dan politik di-

kalangan individu adalah berbeza. Dengan ini menunjukkan bahawa kemiskinan itu bukanlah wujud secara kebetulan tetapi ia merupakan perkara pokok yang mempunyai kaitan dengan struktur sesebuah masyarakat itu.

Dalam teori ini, ia menekankan bahawa peranan individu-individu itu merupakan faktor utama dalam menghuraikan sebab-sebab kemiskinan. Ia melihat fungsi individu itu dalam masyarakatnya sepertimana Hegedon menegaskan:

> " .... individual experiencing the same 'structure' will behave in the seme way. Besides its imputed influence or individual behaviour, it is assumed that certain parts of the structure affects others parts "
>
> (1973:4)

Institusi yang terdapat didalam masyarakat kapitalis yang mana amalan ekonomi boleh mewujudkan penindasan dan mengekspolaitasi melalui konsep ekonomi bebas. Maka ia melahirkan golongan-golongan monopoli dalam ekonomi dan mereka menekan golongan-golongan dikelas bawah, dengan cara ini maka kemiskinan tetap ujud dikalangan kelas bawah dan ia akan tetap berterusan sehinggalah ada satu penghalan yang dapat mengstabilkan keadaan ini.

Teori yang popular bagaimana berlakunya kemiskinan dapat diterangkan dalam konsep 'vicicous circle of poverty'

atau putaran ganas (Winslow 1951:9). Konsep ini menerangkan bagaimana satu faktor wujud disebabkan oleh satu faktor atau lebih faktor-faktor lain dan ini akan menyebabkan faktor lain yang ada akan berubah dalam satu pusingan atau bulatan yang lengkap.

RAJAH 2




Putaran Ganas Kemiskinan

Dalam teori ini mengikut Winslow dengan pengeluaran yang rendah dan setelah keperluan asas dipenuhi, sedikit sekali yang tinggal untuk dijadikan model. Oleh itu menyebabkan hasil pendapatan adalah sedikit dan keadaan ini menyebabkan keupayaan untuk menyimpan adalah kurang atau tidak ada langsung. Kekurangan pendapatan ini adalah disebabkan oleh ketiadaan atau kekurangan model dan juga keadaan dipasaran

yang tidak sempurna.

Disamping itu, dalam keadaan ini terdapat juga putaran ganas lain yang melingkungi putaran ganas yang ada atau yang menjadi asas. Keadaan ini akan berterusan sebagaimana ditegaskan oleh United State Council of Economic Advison:

> " The vicious cycle, in which poverty breeds, occurs through time and transmit its effects from one generation to another. There is no beginning to the cycle, no end "
>
> (1964)

## 2.3. Hubungan Pembangunan Dan Kemiskinan

Mengikut A.G. Frank, pembangunan dan kemiskinan (kemunduran) adalah mempunyai hubungan timbal balik yang mana kedua-dua aspek tersebut saling melengkapi antara satu sama lain sepertimana beliau tegaskan:

> " .... the development and under development are two aspects of the same historical process involving the creatious and speed of modern technology..."
>
> (1971:X)

Kemiskinan, kemunduran dan ketidaksamaan merupakan ciri-ciri bagi negara-negara mundur. Atas dasar inilah

setiap perancangan pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah untuk mengatasi masalah tersebut. Dinegara-negara dunia ketiga kawasan luar bandar merupakan kawasan yang mengalami masalah tersebut.

Huhungan pembangunan dan kemiskinan dapat diterangkan dalam rajah dibawah ini:

RAJAH 3




Hubungan Kemiskinan Dan Pembangunan

Dalam rajah diatas kemiskinan, pengangguran, kemunduran dan ketidaksamaan merupakan masalah utama bagi negara-negara dunia ketiga. Dengan itu perancangan dasar pembangunan dirancangkan dan kemudian dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Seperti samada mengadakan kemudahan asas dan membangunkan bidang Perindustrian atau membangunkan Sektor Pertanian atau kedua-dua sekali, maka dengan melaksanakan proses pembangunan itu

University of Malaya

kerajaan berharap dapat mengatasi masalah-masalah tersebut dan transfomasi sosial masyarakat tercapai sebagaimana matlamatnya. Walaubagaimanapun sejauhmana alternatif pembangunan tersebut telah dapat tercapai untuk mengatasi masalah kemiskinan, kemunduran, ketidaksamaan dan pengangguran negara. Apa yang selalu terjadi ialah perancangan selalunya tidak sama dengan praktiknya untuk mencapai matlamat yang diharapkan. Kemungkinan masalah kemunduran dapat dikurangkan tetapi masalah kemiskinan sukar diramalkan dapat diatasi sepenuhnya mahupun dinegara-negara sudah maju.

Mengikut pendekatan konflict, proses pembangunan selalunya berlaku dalam keadaan tidak adil, yang mana dasar pembangunan selalunya dinikmati oleh kawasan bandar iaitu kawasan yang dikelaskan sebagai metropolis dan kawasan luar bandar ialah kawasan satellite selalunya ketinggalan dalam pembangunan. Ini adalah kerana, mengikut A.G. Frank bahawa negara-negara mundur sekarang adalah terikat dalam satu sistem ekonomi kapitalis yang domina. Lagipun struktur metropolis-satellite mengukuhkan lagi kepentingan kelas menengah dan golongan atasan yang menyebabkan golongan satellite selalu mengalami kerugian akibat dari diekspolaitasikan oleh golongan metropolis.

Dalam keadaan ini selalunya pembangunan tidak memberi manafaat kepada golongan miskin diluar bandar terutamanya.

University of Malaya

Oleh sebab itulah pembangunan yang timbul boleh memberi kesan yang negatif disamping sedikit kesan positif menyebabkan bahawa hubungan pembangunan dan kemiskinan adalah bercorak timbal balik. Oleh kerana masalah kemiskinan maka pembangunan dilaksanakan dan dengan pembangunan pula boleh menimbulkan masalah kemiskinan.

Dalam bab ini akan diteangkan tentang latar belakang responden yang dikaji seperti umur, taraf pelajaran, pola-pola pekerjaan, pendapatan dan lain-lain yang ada kaitannya dengan sosial ekonomi responden. Bab 1 dahulu telah diterangkan tentang latar belakang kawasan kajian. Penduduk di Kampung Kuala Kerdau pada keseluruhannya adalah tergolong daripada orang-orang Melayu. Maka pola-pola sosial-ekonomi dan hubungan sosial-budaya mereka adalah secara umumnya mengikut struktur masyarakat Melayu yang lain.

3.2. <u>Saiz Dan Bentuk Keluarga</u>

Dari 50 responden yang ditemui, didapati kebanyakannya bentuk saiz keluarga dikalangan responden adalah sederhana besarnya. Jadual 3.1. menunjukkan bahawa 62 peratus responden mempunyai bilangan anak diantara tiga hingga enam orang. Hanya 6 peratus saja dari responden yang mempunyai anak lebih daripada sebelas orang. Keadaan ini adalah kemungkinan disebabkan oleh berlakunya kematian anak-anak semasa kecil atau ketika dilahirkan kerana keadaan perubatan pada masa itu

University of Malaya

# BAB III

# LATAR BELAKANG SOSIAL EKONOMI RESPONDEN

## 3.1. Pendahuluan

Dalam bab ini akan diteangkan tentang latar belakang responden yang dikaji seperti umur, taraf pelajaran, pola-pola pekerjaan, pendapatan dan lain-lain yang ada kaitannya dengan sosial ekonomi responden. Bab 1 dahulu telah diterangkan tentang latar belakang kawasan kajian. Penduduk di Kampung Kuala Kerdau pada keseluruhannya adalah tergolong daripada orang-orang Melayu. Maka pola-pola sosial-ekonomi dan hubungan sosial-budaya mereka adalah secara umumnya mengikut struktur masyarakat Melayu yang lain.

## 3.2. Saiz Dan Bentuk Keluarga

Dari 50 responden yang ditemui, didapati kebanyakannya bentuk saiz keluarga dikalangan responden adalah sederhana besarnya. Jadual 3.1. menunjukkan bahawa 62 peratus responden mempunyai bilangan anak diantara tiga hingga enam orang. Hanya 6 peratus saja dari responden yang mempunyai anak lebih daripada sebelas orang. Keadaan ini adalah kemungkinan disebabkan oleh berlakunya kematian anak-anak semasa kecil atau ketika dilahirkan kerana keadaan perubatan pada masa itu

tidaklah begitu memuaskan.

Dilihat dari bentuk keluarga, didapati bahawa terdapat penemuan dua bentuk iaitu bentuk keluarga asas dan keluarga besar, dimana terdapat penemuan sebuah keluarga asas yang tinggal bersama dengan kedua ibubapanya menjadi bentuk keluarga besar. Ini terjadi disebabkan oleh ada diantara anak-anak responden yang kematian suami mereka atau yang telah menjadi janda atau duda tinggal bersama dengan orang tua mereka. Kebiasaannya keluarga-keluarga asas pula tinggal berdekatan dengan rumah-rumah responden iaitu dalam satu kawasan tanah beberapa buah rumah didirikan yang merupakan keluarga asas. Keadaan ini membentukkan seperti keluarga besar. Hubungan diantara responden-responde ini bolehlah dikatakan mempunyai ikatan kekeluargaan atau pertalian darah. Ini telah menjadi sifat orang-orang Melayu, yang mana mereka ini tinggal berdekatan. Keadaan ini juga dipengaruhi oleh corak pembahagian harta pusaka mengikut sistem Fraidh dalam hukum Islam. Dengan sistem Faraidh ini tanah-tanah atau harta simati akan dibahagikan mengikut nisab masing-masing, sepertimana yang difirmankan oleh Allah s.w.t. dalam Al-Quran*.

Bentuk hubungan pertalian darah atau kekeluargaan dapat dikenali dengan gelaran-gelaran tertentu 'termologi'

---

*. Surah An Nissaa ayat 7 (Al-Quran diterjemahkan oleh Yayasan Penyelenggara Penterjemahan (Pentafsir Al-Quran - Dicetak oleh P.TIntermasa Jarkata, 1971

Jadual 3.1

Saiz Keluarga Responden.

| Bilangan Anak (orang) | Bilangan Responden (keluarga) | Peratusan (%) |
| --- | --- | --- |
| 1 - 2 | 9 | 18 |
| 3 -4 | 17 | 34 |
| 5 - 6 | 14 | 28 |
| 7 - 8 | 2 | 4 |
| 9 - 10 | 5 | 10 |
| Lebih 11 | 3 | 6 |
| Jumlah | 50 | 100 |

University of Malaya

yang digunakan dalam menggelar atau memanggil seseorang itu seperti Ayah Long, Abang Long dan sebagainya, yang biasa digunakan oleh orang-orang Melayu untuk menunjukkan huhungan kekeluargaan mereka.

3.3. Umur

Dari kajian ini, didapati bahawa kebanyakan ketua keluarga berumur didalam lingkungan 31 tahun hingga 80 tahun. Terdapat 24% umur ketua keluarga adalah dalam lingkungan 46 tahun hingga 50 tahun. Dalam jadual 3.2 menunjukkan taburan umur ketua keluarga dan 50 sample yang diambil 22 peratus adalah terdiri daripada kaum wanita. Diantara mereka ini telah bercerai samada bercerai hidup atau bercerai mati.

JADUAL 3.2

Umur Ketua Keluarga

| Jantina/ Umur | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|---|
| 31 - 35 | 2 | 1 | 3 | 6 |
| 36 - 40 | 1 | - | 1 | 2 |
| 41 - 45 | 5 | 3 | 8 | 16 |
| 46 - 50 | 10 | 2 | 12 | 24 |
| 51 - 55 | 3 | 2 | 5 | 10 |
| 56 - 60 | 10 | 1 | 11 | 22 |
| 61 - 65 | 5 | 1 | 6 | 12 |
| 66 - 70 | 1 | - | 1 | 2 |
| 71 - 80 | 2 | 1 | 3 | 6 |
| Jumlah | 39 | 11 | 50 | 100 |

Oleh itu tanggungjawab sebagai ketua keluarga telah diambil aleh oleh mereka.

Kebanyakan umur anak-anak responden yang tinggal bersama keluarga adalah berumur 20 tahun kebawah. Mereka ini kebanyakannya masih dalam alam persekolahan. Walaubagaimanapun terdapat juga anak-anak responden yang masih bersekolah tidak tinggal bersama keluarga. Ini adalah disebabkan mereka bersekolah diluar mukim Kerdau ini dan kebiasaannya mereka ini tinggal diasrama. Dari jadual 3.3 menunjukkan 67.5 peratus umur anak-anak responden ini berumur antara 6 tahun hingga 20 tahun yang mana gambaran ini menunjukkan bahawa kebanyakan dari mereka ini adalah masih berada dibangku sekolah. Terdapat juga penemuan dimana anak-anak responden yang umurnya dalam lingkungan 31 tahun hingga 55 tahun masih tinggal bersama keluarga iaitu 3.2 peratus. Keadaan ini disebabkan, ada diantara mereka ini telah bercerai samada menjadi janda atau duda. Terdapat juga anak-anak responden yang bekerja tetapi belum berkahwin tinggal bersama keluarga. Kebiasaannya mereka ini berumur lebih dari 18 tahun.

JADUAL 3.3

Umur Anak-Anak Yang Tinggal Bersama Ketua Keluarga

| Jantina/ Umur | Lelaki | Perempuan | Jumlah | Peratusan (%) |
|---|---|---|---|---|
| Dibawah 5 tahun | 16 | 5 | 21 | 17.1 |
| 6 - 10 | 12 | 11 | 23 | 18.7 |
| 11 - 15 | 17 | 17 | 34 | 27.7 |
| 16 - 20 | 11 | 15 | 26 | 21.1 |
| 21 - 25 | 4 | 4 | 8 | 6.5 |
| 26 - 30 | 3 | 4 | 7 | 5.6 |
| 31 - 35 | 1 | 1 | 2 | 1.6 |
| 36 - 55 | - | 2 | 2 | 1.6 |
| Jumlah | 64 | 59 | 123 | 100 |

University of Malaya

## 3.4. Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan responden boleh dikatakan sederhana. Kebanyakan daripada mereka pernah mendapat pendidikan secara formal. Hanya 12 peratus saja responden yang ditemui tidak pernah bersekolah. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna bahawa responden-responden tersebut buta huruf. Walaupun mereka ini tidak mendapat pendidikan sekolah Melayu secara formal tetapi ada diantara mereka ini pernah mengikuti

sekolah-sekolah agama. Dalam erti yang lain, walaupun tidak tahu tulisan rumi tetapi mereka boleh membaca tulisan jawi. Penelitian-penelitian yang dilakukan tidak terdapat responden yang buta huruf dalam ertikata yang sebenarnya kerana sekurang-kurangnya mereka faham tulisan jawi.

Dari 50 responden tersebut, hanya 8 peratus saja yang pernah mendapat pendidikan sampai ke Sekolah Menengah. Dari jadual 3.4 menunjukkan taburan pendidikan yang diterima oleh responden. Kebanyakan daripada responden tersebut mempunyai cita-cita yang tinggi dalam pelajaran. Oleh kerana keadaan politik ketika itu (Perang Dunia Ke 2 & Darurat) dan keadaan kemiskinan, menyebabkan mereka tidak dapat meneruskan pelajaran mereka keperingkat yang lebih tinggi lagi. Diatas kesedaran betapa pentingnya pelajaran ini, menyebabkan responden-responden disini mempunyai harapan semuga anak-anak mereka kelak mendapat peluang yang lebih baik, sehingga dapat belajar ke pusat pengajian tinggi. Ini dapat dilihat, dimana terdapat bebrapa orang anak-anak responden ini telah berjaya sampai ke taraf tersebut. Contoh yang ketaranya ialah Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Kirai.*

---

*. Beliau pernah mendapat pendidikan di Universiti Malaya dan sekarang telah menjadi wakil Rakyat kawasan Kerdau.

JADUAL 3.4

**Taraf Pendidikan Responden**

| Jenis Sekolah & Peringkat Yang Tercapai | Bil. Responden (orang) | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Tak Sekolah | 6 | 12 |
| Sek. Pondok/Atap | 5 | 10 |
| Sek. Ren. Darjah 1 - 2 | 7 | 14 |
| Darjah 3 - 4 | 8 | 16 |
| Darjah 5 - 6 | 20 | 40 |
| Sek. Men. Tingkatan 1 - 2 | 3 | 6 |
| Tingkatan 3 | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 |

University of Malaya

## 3.5. Pola-Pola Pekerjaan

Apabila melihat bentuk-bentuk pekerjaan responden, boleh dikatakan majoriti penduduk ditempat kajian adalah sebagai Petani iaitu 82 peratus dari responden yang ditemui merupakan pekebun kecil getah. Manakala bakinya adalah membuat pekerjaan seperti berniaga dan bekerja makan gaji samada dengan kerajaan atau bekerja di kilang-kilang. Walaubagaimanapun ada diantara mereka ini melakukan dua bentuk pekerjaan. Kebiasaannya pekerjaan kedua itu merupakan kerja

sambilan ataupun utama. Bagi mereka ini kebiasaannya mempunyai kerja tetap seperti pada waktu pagi mereka keluar menoreh manakala disebelah petangnya mereka bekerja tetap. Lazimnya mereka ini bekerja sebagai buruh majlis tempatan ataupun bekerja sebagai buruh kilang. Boleh dikatakan penduduk disini mempunyai pekerjaan sambilan. Walaubagaimanapun tidak bermakna kerja-kerja sambilan itu akan mendatangkan hasil tambahan seperti mengambil upah bertukang rumah, mesin rumput dan sebagainya.

Bagi mereka yang bekerja sepenuh masa sebagai pekebun kecil getah dimana mereka ini memberi tumpuan sepenuh masa dalam kerja menoreh dikebun getah mereka, dalam erti yang lain pekerjaan menoreh getah ini adalah dominan dalam bentuk pekerjaan mereka. Pekebun kecil getah ini memulakan pekerjaan pada sebelah pagi iaitu selepas menunaikan sembahyang Fardhu Subuh lebih kurang pukul 6.30 pagi mereka keluar ke kebun getah mereka atau kebun getah yang disewa dari orang lain. Kebanyakan kebun-kebun getah mereka tidaklah begitu jauh dari rumah mereka dan lazimnya mereka pergi samada hanya berjalan kaki atau menggunakan motosikal atau basikal. Kerja-kerja menoreh getah ini biasanya akan habis pada waktu tengahari iaitu kira-kira pukul 11.00 pagi. Kebanyakan responden ini tidak memproses susu getah itu untuk dijadikan getah keping hanya segelintir saja yang melakukan proses tersebut dimana yang lainnya susu-susu getah tersebut

dijadikan getah-getah buku saja. Proses ini memudahkan mereka dan menjimatkan masa, walaupun hasil dari jualan getah buku itu tidak memuaskan seperti hasil yang diterima dari jualan getah-getah keping.

Disamping itu tidak semua daripada mereka ini terdiri daripada mereka yang bekerja sebagai pekebun kecil getah semasa muda. Ada diantara mereka sebelum ini bekerja makan gaji seperti perkhidmatan dalam tentera, polis, guru dan sebagainya. Mereka ini balik ke kampung ini setelah bersara dari perkhidmatan masing-masing. Bagi mereka yang berkemampuan, mereka tidak melakukan pekerjaan menoreh getah ini, sebaliknya kebun-kebun getah yang ada itu disewakan atau dipawahkan kepada orang lain. Hasil dari sewaan atau pawah itu merupakan pendapatan tambahan dari duit pencen mereka.

Dari segi pemasaran hasil-hasil torehan pokok getah itu samada dijadikan dalam bentuk keping atau sekerap/buku itu dijual kepada beberapa pihak seperti kepada wakil MARDEC, pemborong getah berbangsa Cina dan kepada pihak RISDA. Walaubagaimanapun penjualan kepada MARDEC dan pemborong Cina adalah lebih popular dikalangan responden ini.

## 3.6. Pendapatan

Pendapatan pekebun kecil disini adalah rendah iaitu 94 peratus daripada responden ini adalah berpendapatan kurang dari $400/- sebulan. Keadaan ini mungkin disebabkan saiz kawasan pemilikkan kebun getah adalah amat kecil sekali iaitu terdapat penemuan mereka yang memilikikan kebun getah kurang daripada 5 ekar. Lagipun sebagai pekebun kecil getah, pendapatan mereka adalah bergantong kepada daya pengeluaran pokok getah. Keadaan ini adalah banyak bergantung kepada beberapa faktor. Antaranya ialah keupayaan responden itu untuk menoreh kebun getah orang lain secara sewaan atau pawah, dan keadaan cuaca kerana pabila hujan turun pada sebelah malamnya menyebabkan mereka tidak dapat keluar untuk menoreh kerana batang pokok getah itu basah dan ia tidak akan mengeluarkan hasil yang banyak. Satu lagi sebab mengapa hasil pengeluaran yang kurang dari kebun getah tersebut ialah kebanyakan pokok-pokok getah tersebut terlalu tua, setengahnya telah menjangkau umur 20 tahun hingga 25 tahun. Jadi pokok-pokok ini tidak dapat mengeluarkan hasil yang memuaskan.

Dengan pendapatan yang kurang ini, menyebabkan ramai responden terpaksa bergantung kepada bantuan anak-anak yang sudah bekerja bagi menampung perbelanjaan harian mereka. Walaubagaimanapun bagi responden yang hanya tinggal seorang atau dua orang saja, kekurangan pendapatan ini tidaklah menjadi

University of Malaya

masalah yang besar. Apa yang dapat dilihat ialah bagi mereka perbelanjaan harian atau perbelanjaan dapur tidaklah begitu besar kerana tinggal dikampung tidak perlu banyak perbelanjaan disebabkan sayur-sayuran mudah didapati dengan percuma.

Dalam jadual 3.5 menunjukkan hanya seorang saja responden yang berpendapatan lebih daripada $600/- sebulan. Itupun responden ini tidak bergantung sepenuhnya kepada hasil dari pokok getah, sebaliknya ia mempunyai pekerjaan tetap dengan kerajaan. Walaubagaimanapun bentuk pendapatan ini tidaklah dapat mengambarkan keadaan sebenarnya. Ada diantara penduduk disini yang berpendapatan lebih dari $800/- sebulan iaitu bagi mereka yang berniaga dan pegawai-pegawai kerajaan seperti guru, kerani dan juruteknik.

University of Malaya

JADUAL 3.5

Pendapatan Benar Bulanan Responden

| Pendapatan | Bil. Responden (orang) | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Kurang dari 100 | 9 | 18 |
| 101 - 200 | 18 | 36 |
| 201 - 300 | 10 | 20 |
| 301 - 400 | 10 | 20 |
| 401 - 500 | 2 | 4 |
| 501 - 600 | - | - |
| 601 - 700 | 1 | 2 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Untuk menampung kekurangan pendapatan, terdapat responden yang melakukan kerja-kerja sampingan seperti terdapat seorang responden disamping bekerja tetap sebagai tukang kebun sekolah, beliau juga disebelah petangnya mengambil upah membersihkan halaman rumah orang iaitu memesin rumput. Biasanya kerja-kerja ini dilakukan pada hari-hari minggu ataupun hari-hari kelepasan am diluar mukim Kerdau ini. Terdapat juga anak-anak responden yang memberi sumbangan kewangan kepada mereka ini.

## 3.7. Pola-Pola Pemilikan Tanah

Tanah merupakan harta pemilikan yang paling penting bagi seorang petani dan ia amat mustahak dalam mendapatkan pulangan/hasil bagi kehidupan mereka. Oleh kerana kebanyakan dari responden ini merupakan pekebun kecil getah, maka jumlah luasnya pemilikkan tanah getah akan mengambarkan kepada kita jumlah pendapatan mereka. Walaubagaimanapun ini bukanlah merupakan ukuran yang mutlak.

Kebanyakan daripada responden memiliki tanah yang digolongkan didalam kategori tanah simpanan Melayu (Malay Reserved) yang diwarisi dari orang tua mereka. Secara puratanya keluasan tanah yang dimiliki oleh mereka ialah 5.13 ekar seorang. Dari sejumlah tanah inilah mereka ini menyara hidup mereka. Terdapat juga penemuan dimana ada responden yang

langsung tidak mempunyai tanah dikawasan ini. Mereka ini biasanya adalah berasal dari negeri lain atau daerah lain, yang berhijrah ke sini untuk memulakan penghidupan baru dengan bekerja ditanah-tanah orang yang disewakan kepada mereka. Walaupun begitu terdapat sebuah keluarga tempatan tidak langsung memiliki tanah. Keluarga ini menyewa tanah orang lain dengan kadar bayaran sepuluh ringgit ($10/-) setahun sejak 20 tahun dahulu.

Punca pemilikkan tanah dikalangan responden boleh dibahagikan kepada tiga bentuk. Pertama tanah yang dimiliki secara warisan dari orang tua mereka samada dari pihak suami atau pihak isteri. Kedua ialah pemilikan secara hadiah yang diberi oleh kerajaan, walaubagaimanapun pemilik tersebut terpaksa membayar harga tanah itu dengan kadar bayaran yang paling minima iaitu sebanyak $500/- seorang. Pemilikkan cara ini adalah merupakan bantuan kerajaan kepada mereka kerana menghadapi masalah banjir yang mana sebelum ini mereka tingal dipinggir sungai Pahang. Bentuk ketiga ialah dengan cara membeli; kebiasaannya mereka ini adalah bekas-bekas kakitangan kerajaan yang sudah bersara dan balik semula ke kampung ini. Disamping itu ada juga responden yang mampu menambah pemilikkan tanah-tanah mereka dengan cara membeli.

Jadual 3.6

Pola-pola Pemilikan Tanah Dikalangan Responden:

| Cara Pemilikan Luas ( ekar ) | Responden ( orang ) | Warisan suami | Warisan isteri | Hadiah | Beli |
|---|---|---|---|---|---|
| Tak ada tanah | 3 | - | - | - | - |
| I - 2 | 6 | I8 | I4 | 9 | I0 |
| 3 - 4 | I8 | 8 | 2I | - | 4 |
| 5 - 6 | I0 | 2 | 5 | - | I |
| 7 - 8 | 8 | - | I | - | - |
| 9 - I0 | I | - | I | - | - |
| II - I2 | - | - | I | - | - |
| I3 - I4 | I | - | - | - | - |
| I5 - I6 | 3 | - | - | - | - |
| Jumlah: | 50 | 28 | 43 | 9 | I5 |

Dari jadual 3.6. menunjukkan hanya 30 peratus saja responden yang memiliki tanah tersebut secara membeli dan pembelian tanah tersebut tidak melibatkan jumlah keluaran tanah yang besar. Apa yang didapati bahawa jumlah keluasan tanah yang dibeli itu tidak lebih daripada 6 ekar saja. Keluasan tanah yang dimiliki oleh setiap responden tidaklah luas, terdapat tiga buah keluarga sahaja yang memiliki tanah diantara 15 hingga 16 ekar. Jumlah yang agak besar ini adalah merupakan pemilikaan secara warisan oleh suami isteri dan secara belian.

University of Malaya

Secara umumnya penggunaan tanah di Kampung Kuala Kerdau ini tidaklah menyeluruh. Tanah-tanah itu digunakan dalam bentuk kebun getah, tanah sawah, kebun buah-buahan, tapak rumah dan kawasan sekitarnya saja. Terdapat penemuan dimana tanah-tanah itu dibiarkan begitu saja tidak diusahakan, oleh kerana tuan-tuan tanah tersebut telah berpindah kekawasan lain samada telah memasuki tanah rancangan atau pun bekerja ditempat lain. Dengan itu menyebabkan tanah-tanah itu menjadi tanah terbiar.

3.8. Lain-Lain Bentuk Pemilikkan

Untuk menilai taraf hidup para responden di kampung ini, pengkaji telah mengumpul data-data berkaitan dengan pemilikkan harta mereka. Pengkaji juga telah meneliti bentuk simpanan/tabungan yang dilakukan oleh responden, seperti simpanan akun semasa, akaun simpanan, saham-saham, tabung haji dan sebagainya. Disamping itu pengkaji juga telah meninjau alat kelengkapan-kelengkapan rumah seperti perabut-perabut moden.

Dari data yang terkumpul, boleh dikatakan bahawa taraf kehidupan responden adalah sederhana. Hampir kesemua responden yang ditemui memiliki rumah sendiri. Mereka ini menyewa atau menduduki rumah-rumah yang diberi oleh keluarga atau saudara mara. Keadaan rumah-rumah responden boleh di-

katakan dalam keadaan baik dan sederhana, hanya terdapat sebuah dua saja rumah yang agak kurang memuaskan. Kebiasaannya rumah-rumah disini sudah lama didirikan, ada setengah rumah-rumah tersebut merupakan rumah yang telah diwariskan kepada mereka. Rumah-rumah itu diperbuat dari papan dan beratap zing. Walaubagaimanapun terdapat juga rumah-rumah yang diperbuat dari batu-bata dan separuh batu bercampur papan. Kebiasaannya rumah tersebut adalah baru didirikan dengan bantuan kewangan dari anak-anak responden sendiri.

Dalam pemilikkan kenderaan terdapat tiga orang responden yang mampu menggunakan kereta; dua puluh sembilan orang yang memiliki motosikal; lapan orang yang memiliki basikal dan selebihnya tidak mempunyai apa-apa kenderaan. (lihat jadual 3.7) Kenderaan-kenderaan tersebut terutamanya kereta dan motosikal digunakan untuk mengangkut hasil-hasil getah atau tanaman lain dan juga ada dikalangan pemilikkan kereta itu menjadikan keretanya sebagai kereta sapu. Ini biasanya dilakukan diwaktu pagi dan disebelah petang bagi mengangkut penumpang yang hendak ke bandar atau ketempat kerja dan balek. Walaubagaimanapun keadaan ini tidak merupakan pekerjaan tetap bagi mereka, hanya sekadar untuk duit minyak kereta saja kerana pemiliknya secara langsung mempunyai tujuan yang sama iaitu samada ada urusan atau keluar membeli keperluan dibandar.

JADUAL 3.7

Pemilikan Harta Dikalangan Responden

| Perkara | Bil. Responden (orang) |
|---|---|
| A: Kenderaan:- | |
| 1. Kereta | 3 |
| 2. Motorsikal | 29 |
| 3. Basikal | 8 |
| 4. Sampan | 13 |
| 5. Tidak ada | 9 |
| B: Perabut:- | |
| 1. TV. Warna | 5 |
| 2. TV. Hitam Putih | 25 |
| 3. Peti Ais | 6 |
| 4. Dapur Gas | 5 |
| 5. Dapur Minyak | 44 |
| 6. Dapur Kayu | 4 |
| 7. Kerusi Set | 12 |
| 8. Mesin Jahir | 22 |
| 9. Kipas Angin (letrik) | 11 |
| C: Tabungan:- | |
| 1. Simpanan BSN * | 15 |
| 2. Simpanan Bank Perdagangan | 5 |
| 3. Saham (ASN*& dll.) | 24 |
| 4. Tabung Haji | 7 |

Sumber: Soalan Selidik

* BSN : BANK SIMPANAN NASIONAL
* ASN : AMANAH SAHAM NASIONAL

University of Malaya

Dilihat dari segi kelengkapan dalam rumah, boleh dikatakan bahawa pada keseluruhannya responden memiliki alatan moden, seperti set televisyen, samada yang berwarna atau hanya hitam putih saja. Terdapat lima buah keluarga yang mempunyai kesemua senarai alatan yang disebutkan kepada mereka. Biasanya keluarga-keluarga tersebut hidup dalam keadaan sedikit mewah atau senang. Hanya terdapat lebih kurang 15 peratus keluarga yang tidak mampu untuk mengadakan kelengkapan-kelengkapan rumah. Keadaan ini kemungkinan disebabkan bagi mereka kelengkapan itu tidaklah merupakan satu keperluan yang mesti diadakan, memadailah apa yang termampu yang dapat disediakan oleh mereka. Kebanyakan cara pemilikkan peralatan rumah tersebut seperti televisyen dan sebagainya merupakan pembelian oleh anak-anak mereka yang sudah bekerja. Walaubagaimanapun peralatan dalam rumah tersebut bukanlah merupakan alatan yang mahal harganya, apa yang didapati bahawa kebanyakan alatannya adalah sederhana harganya yang kebiasaan dimiliki oleh kakitangan kerajaan peringkat rendah.

Melihat dari aspek simpanan atau tabungan dikalangan responden, terdapat penemuan bahawa tidak ramai responden yang mempunyai simpanan. Hanya terdapat 40 peratus responden ada mempunyai simpanan dalam bank, itu pun jumlah simpanan mereka tidaklah begitu besar. Kebiasaan yang ditemui ialah diantara \$100/- hingga \$5,000/-. Begitu juga dalam pemilikkan saham, hanya 24 orang dari responden yang mempunyai saham. Kebanyakan

dari mereka melabur didalam Amanah Saham Nasional (ASN) dengan jumlah pelaburan pokok sahaja iaitu sebanyak $10.00. Apa yang menyebabkan finomena ini berlaku ialah kemungkinan mereka ini tidak mempunyai kemampuan atau lebihan pendapatan untuk dilaburkan. Lagi pun ujudnya sikap tidak mempercayai ASN atau simpanan dalam Bank yang dikatakan bertentangan dengan ajaran agama. Diatas sikap ini setengah daripada mereka lebih suka membuat simpanan dengan cara tersendiri.*

3.9. Kesedaran Dalam Penglibatan Politik

Penglibatan dikalangan responden dalam arena politik dikampung ini boleh dikatakan pada keseluruhannya amat memuaskan. Terdapat dua parti politik yang dominan dikawasan ini, iaitu Parti Politik UMNO dan Parti Politik PAS. Walaubagaimana setakat ini UMNO merupakan parti politik yang menjadi pilihan utama oleh sebilangan besar daripada responden, tetapi pengaruh Parti Politik PAS tidak boleh diperkecilkan sama sekali. Dari temubual dengan responden dan penduduk kampung ini, boleh dikatakan pengaruh Parti Politik PAS berkembang dengan baik sekali. Terdapat sebuah Balai Islam disimpang keluar dari Kampung Kuala Kerdau ini, yang mana Balai Islam itu berfungsi sebagai tempat memberi ceramah atau kuliah agama kepada penduduk di kampung ini dan kampung-kampung lain yang berdekatan.

* Tersendiri ini dimaksudkan responden suka menyimpan dibawah bantal atau berbagai cara yang difikirkan selamat.

Pergeselan diantara penyokong-penyokong kedua buah parti politik samada secara individu atau berkumpulan telah menimbulkan amalan berpolitik yang tidak sihat. Apa yang dapat dilihat, pergeselan antara mereka ini tidaklah begitu ketara tetapi dari temubual-temubual dengan penduduk kampung ini ternyata ujud pemusuhan dikalangan mereka ini. Boleh dikatakan penyertaan dikalangan responden ini dalam parti-parti politik adalah sebagai pengikut sahaja, hanya terdapat 2 atau 4 orang saja responden yang betul-betul aktif dalam parti politik berkenaan. Dimana mereka ini memegang jawatan sebagai ahli jawatankuasa dalam parti politik itu dalam Mukim Kerdau ini.

Dengan kata lain Kampung Kuala Kerdau secara langsung akan menikmati pembangunan yang telah dilaksanakan di Mukim Kerdau ini. Bab ini akan menghuraikan pembangunan yang dinikmati di Mukim Kerdau ini secara amnya dan khususnya bagi kawasan kajian. Dalam aspek pembangunan ini, pengkaji cuba melihat pembangunan itu dari dua sudut. Pertama pembangunan yang dinikmati dari sudut kemudahan asas dan kemudahan infrastruktur. Kedua pembangunan yang melibatkan secara langsung agensi-agensi kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan Jabatan Pertanian.

## 4.2. PEMBANGUNAN DARI INFRASTRUKTUR

Sepertimana kawasan-kawasan lain, Mukim Kerdau juga dapat menikmati program-program pembangunan. Boleh dikatakan bahawa Mukim Kerdau secara relatifnya menikmati pembangunan

# BAB IV

## RANCANGAN-RANCANGAN DAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN YANG DILAKSANAKAN DITEMPAT KAJIAN:

## 4.1. PENDAHULUAN

Kampung Kuala Kerdau berada dibawah pentadbiran Mukim Kerdau, maka proses pembangunan ditempat kajian ini mempunyai hubungan dengan rancangan-rangangan dan projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di Mukim Kerdau. Dengan kata lain Kampung Kuala Kerdau secara langsung akan menikmati pembangunan yang telah dilaksanakan di Mukim Kerdau ini. Bab ini akan menghuraikan pembangunan yang dinikmati di Mukim Kerdau ini secara amnya dan khususnya bagi kawasan kajian. Dalam aspek pembangunan ini, pengkaji cuba melihat pembangunan itu dari dua sudut. Pertama pembangunan yang dinikmati dari sudut kemudahan asas dan kemudahan infrastruktur. Kedua pembangunan yang melibatkan secara langsung agensi-agensi kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan Jabatan Pertanian.

## 4.2. PEMBANGUNAN DARI INFRASTRUKTUR

Sepertimana kawasan-kawasan lain, Mukim Kerdau juga dapat menikmati program-program pembangunan. Boleh dikatakan bahawa Mukim Kerdau secara relatifnya menikmati pembangunan

yang agak pesat didalam Daerah Temerloh.* Berbagai-bagai kemudahan asas dan infrastruktur telah disalurkan kekawasan ini seperti jalanraya, paip air, letrik dan talipon. Jalan raya yang menghubungi diantara kampung ini dengan kampung-kampung lain dalam Mukim Kerdau, bandar Temerloh dan Mentakab telah dibina sejak tahun 1959 lagi. Kemudahan perkhidmatan pengangkutan bukan lagi menjadi masalah kepada penduduk disini. Terdapat perkhidmatan bas bagi setiap satu jam yang menghubungi bandar Temerloh dan Mentakab juga perkhidmatan bas diantara Temerloh dan Jerantut melalui kampung ini. Perkhidmatan bas awam biasanya bermula pada pukul 6.30 pagi hingga pukul 8.00 malam. Disamping itu terdapat juga perkhidmatan teksi diantara mukim ini dengan bandar-bandar tersebut. Dengan adanya kemudahan-kemudahan pengangkutan tersebut, penduduk-penduduk disini dapat menjalankan berbagai urusan peribadi atau sebagainya tanpa menimbulkan banyak kesulitan.

Kemudahan ini tidak pernah dinikmati oleh mereka 25 tahun yang lampau, dimana pengangkutan air dengan bot merupakan satu-satu pengangkutan yang paling mudah pada ketika itu, walaupun jalanraya telah dibina sejak tahun 1959. Keadaan pada masa itu tidaklah serupa dengan apa yang dapat dinikmati masa kini.

---

* Kenyataan dari Tuan Pegawai Daerah Temerloh kepada pengkaji pada 15.4.85 di Pejabat Daerah Temerloh.

Bekalan air paip dan letrik telah dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk Mukim Kerdau ini sejak awal tahun 70an. Namun begitu penduduk-penduduk Kampung Kuala Kerdau ini hanya dapat menikmati bekalan letrik bagi tempoh 24 jam sejak bulan Februari, 1985. Sebelum ini mereka hanya dibekalkan letrik bagi tempoh 12 jam sehari. Dari kajian yang dilakukan, terdapat 70 peratus sahaja responden yang telah menggunakan kemudahan tersebut. Selebihnya tidak dapat berbuat demikian. Alasan yang diberi ialah bahawa perbelanjaan bagi pendawaian wayar letrik adalah terlalu mahal dan pada ketika ini mereka tidak berkemampuan, lagipun perkhidmatan bekalan letrik bagi tempoh 24 jam baru sahaja diperkenalkan.

DikKampung Kuala Kerdau ini terdapat sebuah loji penapis air bagi mukim Kerdau untuk bekalan paip air. Terdapat penemuan dimana hanya 44 peratus sahaja responden yang menggunakan kemudahan tersebut (lihat jadual 4.1.).

**JADUAL 4.1.**

**Bekalan Air Paip Dan Elektrik Dikalangan Responden**

| | Bilangan Responden (orang) | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Bekalan Air Paip | 22 | 44 |
| Bekalan Air Perigi | 19 | 38 |
| Bekalan Air Sungai | 9 | 18 |
| Jumlah | 50 | 100 |
| Bekalan letrik | 35 | 70 |
| Tak ada bekalan letrik | 15 | 30 |
| Jumlah | 50 | 100 |

Kebanyakan responden itu masih menggunakan bekalan air dari sungai dan perigi. Ini mungkin disebabkan kos perbelanjaan untuk menyambung batang-batang paip ke rumah mereka memerlukan perbelanjaan yang agak banyak. Terdapat juga jarak rumah mereka dengan laluan batang paip pusat (main pipe) agak jauh dan juga ada yang terpaksa melalui tanah-tanah orang lain. Jadi dari alasan-alasan tersebut, mereka tidak dapat menggunakan kemudahan itu. Bagi rumah-rumah yang berdekatan dengan laluan batang paip pusat (main pipe) itu tidak banyak menimbulkan masalah bagi memasang batang-batang paip itu kerana mereka hanya perlu mengeluarkan perbelanjaan yang sedikit sahaja. Walaubagaimanapun dengan adanya bekalan paip air dan letrik itu telah banyak memberi kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung ini.

4.3. Pembangunan Dari Aspek Pelajaran

Di Mukim Kerdau ini terdapat tiga buah Sekolah Rendah, sebuah Sek. Rendah Agama dan sebuah Sekolah Menengah. Dengan adanya kemudahan sekolah-sekolah tersebut telah dapat memberi pendidikan formal kepada anak-anak penduduk di mukim ini. Terdapat sebuah Sekolah Rendah yang didirikan di Kampung Kuala Kerdau. Sekolah ini merupakan sekolah yang tertua didalam Mukim Kerdau ini. Ia telah didirikan dalam tahun 60an. Pada mulanya sekolah ini terletak dekat dengan tebing Sungai Pahang. Oleh kerana masalah banjir setiap tahun, maka sekolah

baru telah dibina ke darat sedikit. Kebanyakan anak-anak responden mendapat pendidikan awal mereka di sekolah ini. Sekolah Menengah telah didirikan pada tahun 1979 dan pada tahun 1981 sekolah tersebut telah diresmikan pembukaannya. Terbinanya Sekolah Menengah ini, maka anak-anak responden dan anak-anak penduduk di mukim ini tidak perlu lagi ke-sekolah-sekolah lain. Sebelum ini anak-anak responden terpaksa mendapatkan pendidikan menengah mereka disekolah-sekolah yang terletak di Bandar Temerloh atau Bandar Mentakab. Ia banyak menimbulkan kesulitan bagi mereka, terutamanya ketika hendak pergi ke sekolah tersebut yang jaraknya lebih kurang empat belas batu.

Pendidikan secara formal melalui sekolah-sekolah tersebut adalah amat mustahak sekali, dengan adanya sekolah-sekolah tersebut sekurang-kurangnya dapat mengatasi atau mengurangkan masalah buta huruf dikalangan penduduk-penduduk di mukim ini. Boleh dikatakan bahawa taraf pendidikan anak-anak responden sekarang ini adalah sederhana. Secara purata anak-anak responden pernah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah. Terdapat penemuan hanya 0.9 peratus sahaja anak-anak responden yang dikaji tidak pernah ke sekolah. Walaubagaimana pun, ini adalah disebabkan keadaan anak-anak tersebut yang tidak berapa sihat dari segi mentalnya. Jadual 4.2 menunjukkan taburan pendidikan yang diterima oleh anak-anak responden.

JADUAL 4.2.

Tingkat Pelajaran Yang Diterima Oleh Anak-Anak Responden

| | Bilangan Anak Responden | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Tak Sekolah | 2 | 0.9 |
| Tamat Sek. Rend. | 97 | 44.5 |
| Tamat Sek. Men. Ren. | 50 | 22.9 |
| Tamat Sek. Men | 46 | 21.1 |
| Kolej/ITM/dll. | 15 | 6.9 |
| Universiti | 8 | 3.7 |
| Jumlah | 218 | 100 |

Diatas kesedaran betapa pentingnya pelajaran zaman ini, kebanyakan responden mempunyai cita-cita untuk memberi kemudahan pelajaran setinggi yang boleh kepada anak-anak mereka. Kebanaykan anak-anak responden telah tamat Sekolah Rendah iaitu 44.5 peratus. Didapati bahawa dengan adanya kemudahan-kemudahan untuk mendapat pendidikan ini telah membuka peluang yang lebih luas kepada anak-anak responden untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang paling tinggi. Terdapat sebilangan anak-anak responden yang berjaya dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima, Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah dapat melayakkan diri untuk memasuki sekolah-sekolah ber-asrama penuh seperti Maktab Rendah Sains bagi mereka yang

JADUAL 4.2.

Tingkat Pelajaran Yang Diterima Oleh Anak-Anak Responden

| | Bilangan Anak Responden | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Tak Sekolah | 2 | 0.9 |
| Tamat Sek. Rend. | 97 | 44.5 |
| Tamat Sek. Men. Ren. | 50 | 22.9 |
| Tamat Sek. Men | 46 | 21.1 |
| Kolej/ITM/dll. | 15 | 6.9 |
| Universiti | 8 | 3.7 |
| Jumlah | 218 | 100 |

Diatas kesedaran betapa pentingnya pelajaran zaman ini, kebanyakan responden mempunyai cita-cita untuk memberi kemudahan pelajaran setinggi yang boleh kepada anak-anak mereka. Kebanaykan anak-anak responden telah tamat Sekolah Rendah iaitu 44.5 peratus. Didapati bahawa dengan adanya kemudahan-kemudahan untuk mendapat pendidikan ini telah membuka peluang yang lebih luas kepada anak-anak responden untuk melanjutkan pelajaran mereka ke tahap yang paling tinggi. Terdapat sebilangan anak-anak responden yang berjaya dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima, Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) telah dapat melayakkan diri untuk memasuki sekolah-sekolah berasrama penuh seperti Maktab Rendah Sains. bagi mereka yang

mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Darjah Lima dan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Dan juga ada yang berjaya ke Sekolah Menengah Sains Raub dan sekolah-sekolah asrama penuh yang lain. Setakat ini terdapat 10 orang dari anak-anak responden yang sedang menuntut di sekolah-sekolah asrama penuh. Baik Sekolah Rendah mahupun Sekolah Menengah disini taraf pendidikan yang diberi adalah lebih baik jika dibandingkan dengan dua puluh tahun yang lampau. Kelengkapan sekolah dan kemudahan-kemudahan tertentu seperti bilik perpustakaan, makmal sains, alat pandang dengar dan sebagainya mencukupi. Ini memberi peluang yang sama kepada anak-anak responden untuk menikmatinya serupa dengan pelajar-pelajar dibandar-bandar yang lain.

Dari 50 responden yang ditemui, terdapat 3.7 peratus anak-anak mereka yang telah berjaya sampai ke Universiti dan 6.9 peratus belajar di Institiut Teknoloji Mara (ITM), Maktab Perguruan, Kursus Kejururawatan dan lain-lain institusi pengajian tinggi. Walaupun bilangan anak-anak responden itu tidak ramai belajar keperingkat yang paling tinggi, namun dengan keadaan keupayaan ibubapa mereka yang kurang mampu, berjaya juga melahirkan sebilangan anak mereka untuk belajar diperingkat pengajian tinggi.

## 4.4. PEMBANGUNAN DARI SEGI KESIHATAN

Kesihatan merupakan faktor yang mustahak dalam kehidupan manusia. Melihat dari aspek kesihatan di Mukim Kerdau ini dan khususnya Kampung Kuala Kerdau, boleh dikatakan mutu kesihatan disini adalah sederhana. Sebuah kelinik desa telah didirikan di mukim ini oleh kerajaan sejak awal tahun 70 an. Klinik ini berfungsi menerima pesakit-pesakit luar dan ibu-ibu mengandung untuk diperiksa perkembangan kandungan dan kesihatan mereka. Seorang Doktor dari Hospital Besar Mentakab melakukan lawatan ke klinik ini dua kali dalam seminggu iaitu tiap-tiap hari Rabu dan Sabtu. Disamping itu seorang bidan kerajaan dan pembantu hospital telah ditempatkan bagi mengendalikan klinik ini. Terdapat juga sebuah klinik swasta yang dibuka dan menerima pesakit-pesakit dari kampung ini dan kawasan sekitarnya. Biasanya klinik ini dibuka tiga kali dalam seminggu. Sebenarnya klinik ini merupakan cawangan bagi klinik yang berada di Bandar Temerloh. Hari Isnin, Selasa dan Sabtu merupakan hari yang dibuka untuk menerima pesakit. Walaupun klinik ini merupakan klinik yang dibayar perkhidmatannya, ramai juga penduduk disini mendapatkan rawatan disamping klinik kerajaan. (lihat jadual 4.3)

JADUAL 4.3

Kekerapan/Tempat Menerima Rawatan

| Kekerapan/ Tempat Rawatan | Utama | Sederhana | Tak Pernah |
|---|---|---|---|
| Hospital | 26 | 21 | 3 |
| Klinik Desa | 23 | 21 | 6 |
| Klinik Swasta | 6 | 25 | 19 |
| Bomoh/Dukun | 7 | 23 | 20 |

Dari jadual tersebut, menunjukkan penduduk-penduduk disini membuat pilihan utama dalam perubatan moden. Kepercayaan mereka kepada perubatan moden merupakan satu finomenan sosial yang baru kepada penduduk luar bandar. Mereka mempunyai tanggapan bahawa perubatan moden adalah lebih berkesan dalam menyembuhkan penyakit berbanding dengan perubatan tradisional. Walaubagaimanapun ada dikalangan responden tidak menolak semuanya perubatan tradisional itu.

Boleh dikatakan di Kampung Kuala Kerdau tidak terdapat kes-kes penyakit yang merbahaya. Kawalan kesihatan adalah amat baik. Wabak-wabak penyakit seperti penyakit demam aedes, penyakit taun, malaria dan lain-lain penyakit merbahaya tidak terdapat dikampung ini. Pada keseluruhannya boleh di-

katakan bahawa kebersihan kampung adalah terjaga. Hampir kesemua responden yang ditemui mempunyai sistem tandas yang baik, dimana 74 peratus dari responden menggunakan tandas jenis lubang yang disyorkan oleh Jabatan Kesihatan. Hanya 6 peratus sahaja responden yang menggunakan tandas moden dan selebihnya menggunakan sungai sebagai tandas mereka.

Pegawai-pegawai kesihatan kerap melakukan lawatan ke kampung ini dan penyemburan ubat DDT adalah dilakukan oleh pegawai dari pejabat kesihatan. Ceramah dan pelajaran kesihatan juga kerap diadakan dan ia merupakan salah satu usaha kerajaan untuk menerangkan kepada masyarakat kampung ini bagi menjaga kesihatan mereka. Pembangunan dari kesihatan dikampung ini, walaupun tidaklah merangkumi segal aspek, tetapi usaha-usaha kearah menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga kesihatan telah dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

## 4.5. Pembangunan Yang Melibatkan Agensi-Agensi Kerajaan

Pembangunan dikampung Kuala Kerdau juga melibatkan secara khususnya agensi-agensi kerajaan seperti RISDA, FELCRA dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Walaubagaimanapun penglibatan dari RISDA adalah lebih ketara dikampung ini. Sememangnya telah menjadi salah satu matlamat RISDA untuk melancarkan skim pembangunan dikawasan luar bandar khususnya bagi pekebun-pekebun kecil getah. Tanggungjawab dan matlamat

University of Malaya

RISDA ini tertakluk kepada Akta Pihak Berkuasa Kemajuan Kecil Perusahaan Getah, 1972.

Terdapat beberapa program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh pihak RISDA*. Salah satu program pembangunan RISDA ialah skim Penggalak Tanam Semula Getah (SEPENTAS). Skim ini ialah rancangan penanaman semula pokok-pokok getah bagi menggantikan pokok-pokok getah yang telah tua. Skim ini telah dilaksanakn dikampung Kuala Kerdau ini sejak 4 tahun yang lalu. Matlamat skim ini ialah cuba membantu pekebun-pekebun kecil bagi meningkatkan pendapatan mereka kelak. Sebelum kebun getah yang ditanam semula itu dapat mengeluarkan hasil, para pekebun kecil yang terlibat telah diberi bantuan kredit sara hidup bulanan diantara $60/- hingga $100/- bergantung kepada keluasan tanah getah yang terlibat.

Dari 50 orang responden yang ditemui, hanya 40 orang sahaja yang telah mengemukakan permohonan mereka untuk menyertai program tersebut. Hamya 25 orang responden sahaja yang memenuhi syarat dan diluluskan oleh pihak RISDA. Pada keseluruhannya terdapat 241 ekar tanah getah yang terdapat dikampung ini, hanya kira-kira 85 ekar sahaja yang telah ditanam semula.

---

*. Disini pengkaji tidak menafikan penglibatan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam usaha pembangunan di mukim ini.

Dari kajian yang dilakukan tidak terdapat tanah kosong yang ditanam baru. Apa yang dapat ditemui ialah tanaman semula itu dilakukan keatas tanah-tanah bagi pokok-pokok getah tua sahaja.

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini hanya 50 peratus sahaja daripada responden yang menyertai Skim SEPENTAS ini, dan 4 orang dari mereka telah menanam semula secara menyeluruh dan bakinya menanam secara berperingkat-peringkat. Keadaan ini adalah disebabkan mereka yang menenam secara menyeluruh tidak bergantung kepada hasil getah sahaja, kerana mereka ini mempunyai pekerjaan tetap seperti makan gaji dengan kerajaan. Manakala bagi mereka yang menanam berperingkat-peringkat disebabkan oleh sebahagian dari kebun getah itu ditanam semula dan sebagain lagi mereka menoreh seperti biasa. Mereka ini, tidak mempunyai sumber pendapatan lain yang boleh menambah perbelanjaan hidup mereka.

Pihak RISDA juga telah melancarkan Rancangan Tanam Semula Berkelompok (RTSB). Rancangan ini baru diperkenalkan dikampung ini. Ia mempunyai sedikit perbezaan dengan Skim SEPENTAS tadi. Dalam permohonan untuk rancangan ini, biasanya diketuai oleh seorang ketua bergantung kepada satu-satu kawasan. Dalam kampung Kuala Kerdau ini, rancangan berkelompok diketuai Ketua Kampung yang juga Ketua Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) iaitu En. Ismail bin Haji Nong Ahmad. Mereka ini mula

menanam secara berkelompok ini pada awal tahun 1982.

Dibawah skim ini, rancangan tanam semula dilakukan secara serentak yang dianggotai sekurang-kurangnya lima orang peserta dan kebun-kebun getah mereka adalah bersebelahan diantara satu dengan yang lain, dan menjadikan keluasan yang tidak kurang dari 20 ekar. Rancangan projek RTSB ini dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh peserta sendiri. Pihak RISDA hanya bertindak sebagai penasihat dan mengelolakan kepada pengendalian projek ini. Dari kajian yang dilakukan, didapati bahawa terdapat kira-kira 15 orang penduduk yang telah menyertai skim ini sejak tahun 1982. Dalam setiap projek yang dilancarkan, kerja-kerja penyelia telah dilakukan oleh pegawai-pegawai luar RISDA demi menjamin kejayaan projek tersebut. Disamping itu responden mendapat bantuan dan kemudahan-kemudahan dari agensi-agensi kerajaan yang lain, seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang. Agensi-agensi ini disamping memberi khidmat nasihat dari segi teknikal, mereka juga telah mengeluarkan subsidi baja dan racun kepada pekebun-pekebun kecil di Kampung Kuala Kerdau ini.

Bagi menambahkan pendapatan sampingan kepada pekebun-pekebun kecil, pihak RISDA telah memperkenalkan projek tanaman kontan. Lazimnya projek ini dijalankan dikebun-kebun getah yang ditanam semula. Apa yang menarik dikampung ini, terdapat

# BAB V

## KESAN-KESAN PEMBANGUNAN KEATAS MASYARAKAT KAMPUNG KUALA KERDAU

### 5.1. Pendahuluan

Matlamat utama pembangunan yang diperkenalkan oleh kerajaan ialah untuk membawa satu perubahan sosial (transformasi sosial) kepada masyarakat di Malaysia khusunya masyarakat luar bandar. Dari rancangan-rançangan yang telah dilaksanakan dikawasan tempat kajian atau didaerah-daerah lain dalam negara ini adalah bertujuan meninggikan lagi ekonomi rakyat. Adalah diharapkan rancangan-rancangan itu dapat mengatasi berbagai masalah rakyat seperti masalah kemiskinan, kemunduran dan ketidaksamaan ekonomi dalam masyarakat negara ini.

Menurut Rancangan Malaysia Kedua (RMK), objektif pertamanya ditujukan:

> ".... bagi mengurangkan dan seterusnya membasmi kemiskinan dengan menambahkan pendapatan dan membanyakkan peluang-peluang pekerjaan pada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum ..."
>
> (RMK 1971:1)

---

Dengan adanya rancangan-rancangan pembangunan ini, maka ia akan menimbulkan beberapa kesan kepada masyarakat. Bab ini secara khusus cuba melihat kesan pembangunan itu

kepada masyarakat luar bandar ditempat kajian samada kesan dari segi positif dan atau kesan negatif.

5.2. <u>Perubahan Dari Segi Nilai Dan Sikap</u>

Hasil dari proses pembangunan yang dinikmati oleh penduduk di Kampung Kuala Kerdau ini, didapati sedikit sebanyak telah mempengaruhi sikap dan nilai hidup mereka. Dengan berbagai kemajuan yang diperkenalkan iaitu kemudahan-kemudahan asas seperti bekalan air paip, letrik, talipon dan sebagainya 'gaya hidup' mereka turut juga berubah. Walaubagaimanapun ini tidak bermakna bahawa pembangunan itu telah mengubah kesemua nilai masyarakat di Kampung Kuala Kerdau itu seratus peratus. Apa yang dapat dilihat ialah mereka telah mempunyai kesedaran hidup yang lebih rasional.* Mc Cutcheon menegaskan bahawa:

> " modernizing experince and also opens the door to the more modern elements of or society : better job, increased income and a higher standard of living "
>
> (1977:70)

---

* Rasional bermaksud menerima perubahan yang disalurkan oleh kerajaan itu dengan hati terbuka tanpa memberi tentangan.

5.2.1 Sikap Dan Nilai Terhadap Pelajaran

Dalam aspek pelajaran, dari temubual dengan responden disini, dapat dikatakan bahawa mereka mempunyai kesedaran terhadap pelajaran. Mereka menyedari betapa pentingnya pelajaran untuk masa depan anak-anak dan seboleh-bolehnya tidak mahu anak-anak mereka mewarisi gaya hidup dan kemiskinan mereka. Kalau boleh harapan mereka supaya anak-anak mereka kelak dapat belajar sampai ke universiti. Adalah menjadi satu kebanggaan kepada keluarga sekiranya ada diantara ahli keluarga mereka berjaya belajar setinggi itu. Dari penemuan ini, didapati bahawa keluarga-keluarga yang mempunyai anak-anak yang telah berjaya dalam pelajaran akan dihormati oleh masyarakat kampung dan ahli keluarga tersebut akan menjadi satu sontoh kepada adik-adiknya yang lain atau kepada anak-anak responden yang lain.

Sepertimana ditegaskan oleh Rosemary Firth:

> " Pelajaran ialah kunci kepada perubahan sosial dan perubahan kepada diri individu. Meningkatnya taraf ekonomi individu, seringkali menyebabkan geraklaku individu turut berubah. "
>
> (1966:207)

Anak-anak yang berjaya ini diharapkan kelak akan dapat membantu keluarga. Bagi kebanyakan responden beranggapan bahawa dengan kelulusan yang tinggi, bermakna anak-anak mereka

akan menjawat jawatan yang besar samada dengan kerajaan atau swasta. Bila dipersoalkan tentang betapa sukarnya mencari pekerjaan sekarang ini, mereka tetap menganggap bahawa keadaan itu hanya sementara saja dan mereka yakin bahawa pelajaran yang tinggi merupakan satu alternatif untuk membaiki masa depan anak-anak dan keluarga mereka.

Kajian empirikal menunjukkan bahawa 44.5 peratus anak-anak responden pernah dan telah mendapat pendidikan sekolah rendah. Hanya 10.6 peratus saja yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi seperti di universiti-universiti tempatan maupun luar negeri, Institusi MARA dan Maktab Perguruan. (Lihat jadual 5.1) Dari data-data tersebut menunjukkan bahawa kesedaran ibubapa terhadap pelajaran adalah tinggi sekali. Kalau dahulu tujuan bersekolah adalah cukup sekadar pandai mengenal huruf dan membaca. Kemungkinan pada masa itu tidak ada galakan atau semangat yang diberi oleh ibubapa mereka untuk belajar.

Adanya pembangunan yang disalurkan oleh kerajaan telah dapat mengubah sikap dan pandangan mereka ini. Oleh itu pengkaji dapati bahawa peluang yang sama dalam pelajaran ini telah diberi kepada anak-anak perempuan mereka. Orentasi budaya yang lampau telah dapat dikurangkan. Dimana dahulu bagi kebanyakan masyarakat Melayu (terutamanya masyarakat Melayu luar bandar) beranggapan bahawa anak-anak perempuan tidak perlu

University of Malaya

didedahkan kepada pelajaran yang tinggi. Sikap ini adalah berdasarkan kepada norma masyarakat ketika itu. Apa yang dapat dilihat pada hari ini lebih kurang 48.6 peratus anak-anak perempuan telah mendapat peluang yang sama dengan anak-anak lelaki dalam pelajaran.

JADUAL 5.1.

Pola Pendidikan Anak-Anak Responden

| Jantina/Bentuk Pelajaran | L | P | Jumlah | Peratus (%) |
|---|---|---|---|---|
| Tak Pernah Sekolah | - | 2 | 2 | 0.9 |
| Tamat Sekolah Rendah | 50 | 47 | 97 | 44.5 |
| Tamat Sek. Men. Rend. | 29 | 21 | 50 | 22.9 |
| Tamat Sek. Men. Atas | 20 | 26 | 46 | 21.1 |
| Maktab/ITM/dll. | 5 | 10 | 15 | 6.9 |
| Universiti | 6 | 2 | 8 | 3.7 |
| Jumlah | 110 | 108 | 218 | 100 |

### 5.2.2 Sikap Terhadap Perubatan Moden

Penerimaan penduduk Kampung Kuala Kerdau ini terhadap perubatan moden membuktikan ujudnya perubahan sikap, kesan daripada permodenan yang dibawa kesini. Dua puluh tahun yang lampau, peranan dukun, bomoh atau dalam ertikata lain perubatan tradisional mendapat tempat utama didalam hati masyarakat Kampung Kuala Kerdau ini, tapi kini dari kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa mereka sekarang lebih bergantung kepada perubatan moden yang disediakan oleh kerajaan. Dari jadual 4.5 dalam BabIV menunjukkan bahawa 88.7 peratus dari 50 responden lebih mengutamakan perubatan moden. Ini membuktikan satu kejayaan kepada pihak kerajaan dalam matlamatnya untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk luar bandar dengan sempurna.

Namun begitu, finomenal ini tidak bermakna, masyarakat ditempat kajian menolak sepenuhnya perubatan tradisional. Masih ada dikalangan penduduk menerima perkhidmatan dari dukun atau bomoh tetapi perkhidmatan mereka ini dalam bentuk seperti mengurut ibu-ibu selepas bersalin, patah kaki dan sebagainya tanpa melibatkan unsur-unsur magis (kepercayaan kepada hantu dan orang halus). Dari kajian yang dilakukan didapati penerimaan ibu-ibu yang hendak bersalin kepada perubatan moden sekarang adalah positif. Ibu-ibu bersalin dari kampung ini, tidak lagi takut untuk pergi ke klinik-klinik kerajaan atau hospital

University of Malaya

untuk menerima pemeriksaan dari doktor atau jururawat. Bahkan mereka sekarang ini telah bersedia untuk bersalin dihospital-atau dengan bidan-bidan kerajaan. Pada keseluruhan dalam tahun 1984, terdapat 88 peratus daripada jumlah kelahiran seramai 75 orang*pada tahun tersebut bersalin dihospital atau dengan bidan kerajaan. Hanya terdapat 9 orang saja ibu yang bersalin dengan bidan kampung (lihat jadual 5.2).

JADUAL 5.2

Tempat Ibu Melahirkan Anak Bagi Tahun 1984

| Tempat/ Bulan | Hospital | Bidan/ Kerajaan | Bidan kampong | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Januari | 6 | 2 | - | 8 |
| Februari | 1 | 5 | - | 6 |
| Mac | 4 | 2 | 1 | 7 |
| April | 5 | 3 | - | 8 |
| Mei | 3 | 7 | - | 10 |
| Jun | 2 | 1 | - | 3 |
| Julai | 2 | 4 | 1 | 7 |
| Ogos | 2 | 2 | 4 | 8 |
| Sept. | 1 | 5 | 1 | 7 |
| Oct. | 1 | 2 | 1 | 4 |
| Nov. | 4 | 2 | 1 | 7 |
| Jumlah | 31 | 35 | 9 | 75 |

Sember: Laporan Klinik Desa Mukim Kerdau, 1984.

* Jumlah 75 kelahiran itu termasuk juga penduduk-penduduk dari kampung berdekatan.

University of Malaya

Kemudahan-kemudahan untuk mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik telah menimbulkan kepercayaan penduduk-penduduk disini untuk menerima rawatan yang disediakan oleh kerajaan. Kadar kematian bayi ketika dilahirkan tidak lagi kedengaran disini,Bagitu juga dengan wabak-wabak penyakit merbahaya seperti demam Malaria, Aedes dan penyakit taun telah dapat dikawal. Dengan keadaan ini secara langsung telah menaikkan taraf kesihatan dikalangan penduduk Kampung Kuala Kerdau ini.

5.3. Kesan Keatas Hubungan Sosial Masyarakat Setempat

Proses pembangunan disini sedikit sebanyak telah mengubah bentuk-bentuk hubungan sosial dikalangan penduduk Kampung Kuala Kerdau ini. Dengan adanya pembangunan ekonomi, masyarakat kampung ini telah memperolehi peluang untuk menceburkan diri mereka dalam berbagai bidang ekonomi. Keadaan ini dapat memperlihatkan hubungan sosial dikalangan penduduk secara amnya masih tetap utuh/kukuh. Walaubagaimanapun sifat-sifat individualistik telah dapat dilihat dikalangan penduduk-penduduk disini. Dimana fungsi kekeluargaan telah berubah secara tidak sedar.

Dari pemerhatian, secara amnya, hubungan sosial mereka tetap baik. Dimana konsep gotong royong, bekerjasama dan tolak ansur dikalangan mereka dapat dilihat. Finomena

ini jelas dapat dilihat apabila salah seorang dari anggota masyarakat disini mengadakan sesuatu majlis seperti majlis perkahwinan, kenduri arwah dan sebagainya. Dalam majlis-majlis seperti inilah penduduk-penduduk kampung Kuala Kerdau dapat berinteraksi. Oleh kerana pada masa-masa yang lain mereka ini sibuk dengan urusan masing-masing.

Pengkaji telah dapat menghadiri satu majlis perkahwinan adik Tok Penghulu Mukim Kerdau ini. Dari majlis tersebut terdapat finomena bentuk-bentuk kerjasama, gotong-royong dikalangan penduduk-penduduk kampung dalam menjayakan majlis tersebut. Ketika majlis dilangsungkan, kebanyakan penduduk-penduduk kampung ini tidak keluar menoreh atau melakukan pekerjaan lain, sebaliknya mereka sekeluarga telah datang kerumah pengantin untuk menolong seperti bergotong royong dalam mendirikan bangsal, mencari kayu api dan sebagainya sehinggalah majlis itu berjaya diadakan.

Terdapat juga penemuan, yang mana ada diantara anggota masyarakat kampung itu menyumbangkan wang/duit sebagai ganti sumbangan tenaga mereka kepada pihak pengantin. Bentuk hubungan itu merupakan salah satu kesan dari pengaruh-pengaruh pembangunan. Dimana pengaruh dari luar seperti kugiran moden yang melagukan muzik pop dan sebagainya juga kelihatan.

University of Malaya

Diperingkat lain pula, hubungan-hubungan sosial penduduk ini telah dibentuk melalui beberapa persatuan atau pertubuhan. Dengan adanya Persatuan Ibubapa Guru (PIBG), Persatuan Peladang, Pertubuhan Parti Politik, Persatuan Belia dan Majlis Masjid dan Surau merupakan satu bentuk hubungan yang lebih bersistematik. Seperti PIBG telah dapat menjalinkan, bukan saja antara ibubapa dan guru tetapi juga dapat menghubungkan antara ibubapa anak-anak mereka. Sebenarnya proses pemabngunan, sepertimana yang dikatakan tadi, telah sedikit sebanyak mengubah pola-pola perhubungan masyarakat kampung ini, terutamanya diantara penduduk-penduduk kampung yang bekerja makan gaji dengan mereka yang menjadi pekebun kecil getah atau bekerja kampung sahaja. Keadaan ini telah melahirkan sikap-sikap individualistik dan kepuakkan.

Sifat individualistik dan kepuakkan dikalangan penduduk-penduduk kampung disini dapat dilihat didalam konflik politik dikalangan penyokong-penyokong parti-parti yang berlainan. Walaupun dari segi zahirnya hubungan mereka adalah seperti biasa tetapi dilihat secara makrifatnya ujud konflit dikalangan mereka. Di Kampung Kuala Kerdau, terdapat dua buah parti politik yang dominan iaitu parti Politik UMNO atau Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu dan satu lagi ialah Parti Islam Semalaysia (PAS). Dahulunya masalah konflik politik dikalangan masyarakat di kampung itu tidak pernah ujud, kemungkinan pada masa itu hanya parti UMNO sahaja yang ada. Apa

University of Malaya

yang dapat dilihat ialah pembangunan sosio-ekonomi disini menyebabkan timbulnya konflik politik yang mana kemungkinan telah mengujudkan persaingan dikalangan mereka.

Konflik politik disini juga berkemungkinan disebabkan terdapatnya berbagai kemudahan mass-media yang mana telah menyalurkan berita perkembangan politik yang tertarik dengan Parti Politik PAS. Ini kadangkala menyebabkan hubungan antara golongan tua dan muda agak renggang. Finomenal ini dapat diperhatikan oleh pengkaji, semasa menemubual responden-responden. Walaubagaimanapun keadaan ini kadangkala sukar untuk dibuktikan oleh kerana tidak ada data-data yang dapat menunjukkan pergeseran itu secara terbuka. Apa yang dikatakan bahawa pergeseran itu memang ujud dikalangan masyarakat Kampung Kuala Kerdau ini tetapi hubungan mereka masih tetap baik dan pergeseran itu mungkin berlaku disebabkan perbezaan ideologi atau kefahaman politik sahaja. Pada keseluruhannya kesan dari pembangunan keatas perhubungan sosial masyarakat disini tidaklah mengubah prinsip-prinsip asas masyarakat luar bandar.

## 5.4. Kesan Pembangunan Kepada Peluang-Peluang Ekonomi Keatas Penduduk-Penduduk Tempat Kajian

Melihat dari aspek peluang-peluang ekonomi yang dibawa oleh pembangunan disini, didapati tidak begitu banyak. Walaupun kerajaan melalui agensinya seperti RISDA cuba mem-

University of Malaya

perkenalkan beberapa program iaiatu Skim SEPENTAS, R&TB dan penanaman tanaman kontan bagi meninggikan pendapatan pekebun-pekebun kecil dikampung ini tetapi ia tidaklah begitu berjaya. Sebenarnya program-program itu hanya merupakan pemulihan kebun-kebun getah yang pokok-pokok getahnya sudah tua dan tidak dapat mengeluarkan hasil yang banyak. Lazimnya pokok-pokok getah yang ditanam semula, hanya dapat mengeluarkan hasil setelah 4 atau 5 tahun ia ditanam. Ini menyebabkan pekebun kecil getah itu terpaksa mencari pekerjaan lain atau memotong pokok getah orang lain.

Dengan adanya pembangunan, ia telah mengubah sikap bagi anak-anak muda dari kampung ini untuk bekerja makan gaji. Bagi generasi muda ini, pekerjaan kampung atau menoreh getah sudah tidak banyak yang dapat menarik minat mereka. Perkembangan-perkembangan industri dikawasan berdekatan iaitu dikawasan perindustrian songsang atau di Mentakab telah mempengaruhi mereka. Generasi muda lebih gemar bekerja dikilang-kilang atau bekerja dengan pihak kerajaan yang mana membolehkan mereka berpendapatan tetap. Dari data yang terkumpul dikalangan anak-anak responden, mencerminkan bahawa mereka ini lebih tertarik dengan kerja-kerja makan gaji.

JADUAL 5.3

**Bentuk-Bentuk Pekerjaan Dikalangan Anak-Anak Responden**

| Jenis-Jenis Pekerjaan | Bilangan (orang) | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 1. Ikut Suami | 7 | 7.9 |
| 2. Kerja Kampong | 7 | 7.9 |
| 3. Pegawai Tadbir/ Proffesional | 6 | 6.7 |
| 4. Guru Besar Sekolah | 2 | 2.2 |
| 5. Guru Biasa | 10 | 11.1 |
| 6. Askar (Polis/Nave) (Pegawai | 3 | 3.3 |
| Askar Pangkar Rendah | 12 | 13.3 |
| 7. Jururawat | 2 | 2.2 |
| 8. Kerani Am | 19 | 21.1 |
| 9. Pekerja Kilang | 10 | 11.1 |
| 10. Burum Am Kerajaan | 6 | 6.7 |
| 11. Berniaga | 3 | 3.3 |
| 12. Peneroka | 3 | 3.3 |
| Jumlah (orang) | 90 | 100 |

Pencapaian dalam pelajaran merupakan salah satu sebab mengapa anak-anak responden lebih gemar untuk meninggalkan pekerjaan kampung. Jadual 5.3 menunjukkan kejayaan dalam pelajaran telah membolehkan anak-anak responden tersebut bekerja dengan kerajaan, hanya 7.9 peratus sahaja yang membuat kerja-kerja kampung. Mereka ini membantu ibubapa mereka

University of Malaya

memotong/menoreh getah atau pun menjaga kebun-kebun getah tersebut. Dari temubual dengan mereka, pengkaji dapati bahawa terdapat keinginan dihati mereka ini untuk mencari pekerjaan diluar kampung samada dikilang-kilang atau dengan jabatan-jabatan kerajaan.

Finomena ini menunjukkan bahawa kepercayaan yang telah berkurangan terhadap kerja-kerja dikampung terutamanya menoreh getah dikalangan generasi muda. Ini telah membuat mereka lebih gemar mencari pekerjaan tetap diluar kampung mereka. Apa yang dikhuatirkan ialah akan ujud satu keadaan dimana tidak ada orang yang akan menggantikan usaha-usaha generasi tua atau mengadakan tenaga yang mencukupi untuk mengerjakan tanah-tanah orang tua mereka. Masalah kekurangan tenaga pekerja ini telah mula dirasai oleh penduduk-penduduk dikampung ini. Terdapat 65 peratus dari anak-anak responden yang bekerja tetap itu bekerja dan menetap diluar mukim Kerdau ini. Sebanyak 33.7 peratus daripada jumlah 258 ekar tanah yang dimiliki oleh 50 responden merupakan tanah-tanah yang tidak diusahakan atau dengan kata lain tanah terbiar kerana anggapan generasi muda kampung ini, bahawa kerja-kerja pertanian tidak lagi dapat menjamin masa depan mereka.

Walaupun kerajaan telah berusaha untuk membantu masyarakat kampung Kuala Kerdau ini dalam mempertingkatkan lagi pendapatan mereka, namun begitu usaha-usaha ini tidak berjaya.

University of Malaya

Sebagaimana yang diterangkan dalam Bab 4, bahawa usaha pembangunan ekonomi yang dibawa oleh RISDA iaitu Tanaman Kontan sebenarnya tidak dinikmati oleh penduduk disini. Walaupun penglibatan penduduk-penduduk kampung ini dalam Skim SEPENTAS dan TSB mendapat sambutan tetapi pada hakikatnya penglibatan itu hanya tinggal nama sahaja. Apa yang dapat dilihat terdapat peserta-peserta yang telah menyerahkan tanah-tanah getah tanaman semula itu kepada taukeh-taukeh atau pun pekebun-pekebun Cina yang datang dari luar mukim ini untuk mengerjakan tanah-tanah tersebut dengan tanaman kontan. Kesemua bantuan yang diberi oleh pihak RISDA seperti benih, baja dan racun telah diambil oleh pekebun-pekebun Cina itu, sehinggalah sampai kepada penerimaan bantuan ketiga atau dalam masa tiga tahun. Sebagai pulangannya, pekebun-pekebun Cina itu akan menjaga dan membersihkan kebun-kebun getah yang ditanam semula itu. Terdapat dua kemungkinan mengapa tuan tanah itu sanggup untuk menyerahkan tanah-tanah itu dikerjakan oleh orang lain. Pertama ialah mereka ini sudah tua iaitu dalam lingkungan 50 tahun hingga 80 tahun. Dalam keadaan ini mereka tidak mampu untuk mengerjakan tanah-tanah tersebut, lagi pun kebanyakan anak-anak muda telah berhijrah ke bandar-bandar dan bekerja makan gaji. Sebab kedua ialah kegagalan mereka untuk mempertingkatkan pengeluaran hasil tanaman kontan itu. Boleh dikatakan hasil yang diperolehi tidak setimpal dengan tenaga yang dikeluarkan untuk mengerjakan tanaman kontan itu.

Terdapat juga usaha Jabatan Parit dan Taliair untuk membantu masyarakat kampung ini dalam mempertingkatkan lagi pengeluaran mereka. Jabatan tersebut telah membina sistem taliair pada awal tahun 1980. Dalam projek ini, ia boleh dikatakan telah gagal dimana kekurangan kecekapan perancangan menyebabkan ramai penduduk disini tidak dapat mengusahakan sawah mereka. Menurut keterangan dari salah seorang responden iaitu Ismail bin Lebai Dollah. Apabila berlakunya hujan lebat, air Sungai Pahang naik menyebabkan air sungai itu melempah masuk ke petak-petak sawah mereka. Ini menyebabkan tanaman padi mereka tenggelam dan tidak dapat mengeluarkan hasil yang setimpal dengan tenaga yang dikeluarkan oleh penduduk dikampung ini. Bagi beliau sepatutnya taliair itu dibina lebih tinggi dari paras kenaikan air sungai, apa yang dapat dilihat oleh pengkaji sendiri bahawa pintu taliair itu dibina diparas yang rendah. Keadaan ini menyebabkan ramai diantara mereka tidak lagi mengerjakan sawah-sawah tersebut.

Dari program pembangunan yang disalurkan kekampung ini, sebenarnya tidak banyak peluang-peluang ekonomi yang membolehkan pekebun kecil getah ini untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka. Masalah kekurangan tenaga mengakibatkan berlakunya tanah-tanah terbiar. Terdapat 18.8 peratus daripada jumlah penduduk kampung ini telah meninggalkan kerja-kerja pertanian dan bekerja dengan jabatan-jabatan kerajaan atau swasta sebagai Buruh Am dan sebagainya. Mereka merasai peluang-

peluang ekonomi dalam bidang pertanian tidak lagi dapat menjaminkan masa depan mereka.

Dalam bab akhir ini, pengkaji akan cuba membuat rumusan hasil dari penemuan-penemuan yang telah dilakukan dalam penyelidikan di Kampung Kuala Kerdau ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab I, kajian ini merupakan kajian kes yang berbentuk "Micro Studies" daripada kesan pembangunan kepada masyarakat Melayu luar bandar (terutamanya pekebun kecil getah). Maka segala rumusan yang akan diambil tidak dapat memenuhi gambaran sebenar yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar di Malaysia secara keseluruhannya. Namun demikian, pengkaji berharap dengan penemuan-penemuan ini, sekurang-kurangnya dapat memberi satu gambaran umum, sejauhmana masalah atau faedah yang ujud hasil dari perlaksanaan program-program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Setakat ini, kerajaan telah melaksanakan empat rancangan pembangunan yang bercorak berpenggal iaitu bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1966 hinggalah ke Rancangan Malaysia Keempat yang berakhir pada tahun 1985. Tumpuan kerajaan ialah untuk mempertingkatkan lagi ekonomi negara, disamping itu meninggikan taraf hidup rakyat dinegara ini. Dari program program pembangunan yang berencana ini, kita dapati bahawa kerajaan lebih cenderung menggunakan pendekatan "Diffusionist". Dalam program-program pembangunan yang disalurkan oleh kerajaan,

University of Malaya

# BAB VI

# KESIMPULAN

Dalam bab akhir ini, pengkaji akan cuba membuat rumusan hasil dari penemuan-penemuan yang telah dilakukan dalam penyelidikan di Kampung Kuala Kerdau ini. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab I, kajian ini merupakan kajian kes yang berbentuk "Micro Studies" daripada kesan pembangunan kepada masyarakat Melayu luar bandar (terutamanya pekebun kecil getah). Maka segala rumusan yang akan diambil tidak dapat memenuhi gambaran sebenar yang dihadapi oleh penduduk-penduduk luar bandar di Malaysia secara keseluruhannya. Namun demikian, pengkaji berharap dengan penemuan-penemuan ini, sekurang-kurangnya dapat memberi satu gambaran umum, sejauhmana masalah atau faedah yang ujud hasil dari perlaksanaan program-program pembangunan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan.

Setakat ini, kerajaan telah melaksanakan empat rancangan pembangunan yang bercorak berpenggal iaitu bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama pada tahun 1966 hinggalah ke Rancangan Malaysia Keempat yang berakhir pada tahun 1985. Tumpuan kerajaan ialah untuk mempertingkatkan lagi ekonomi negara, disamping itu meninggikan taraf hidup rakyat dinegara ini. Dari program program pembangunan yang berencana ini, kita dapati bahawa kerajaan lebih cenderung menggunakan pendekatan "Diffusionist". Dalam program-program pembangunan yang disalurkan oleh kerajaan,

kerajaan telah membawa berbagai-bagai teknoloji moden (alat jentera dan sebagainya) kepada rakyat, terutamanya kepada rakyat diluar bandar. Antara program-program pembangunan ini ialah mengadakan projek taliair seperti Perairan Muda di-Kedah, Kemubu di Kelantan dan di Kuala Selangor. Disamping itu kerajaan juga telah melaksanakan reformasi tanah seperti yang terdapat di Pahang iaitu Jengka Tiga Segi, Pahang Tenggara; Johor Tenggara di Johor dan Trengganu Tangah di Trengganu. Kerajaan juga memberi penempuan dalam bidang industri seperti kawasan perindustrian di Batu Tiga, Selangor. Dalam menjaya-kan program-program pembangunan ini, kerajaan telah mengujud-kan beberapa agensi-agensi antaranya RISDA, LPN, KADA, DARA dan FIECRA. Kesemua agensi-agensi kerajaan ini adalah ber-tanggungjawab dalam menjayakan matlamat kerajaan.

Jika kita melihat usaha-usaha pembangunan kerajaan ini, sememangnya kita tidak dapat menolak kenyataan bahawa kerajaan bersungguh-sungguh ingin meninggikan taraf hidup se-tiap rakyat dinegara ini. Tetapi apa yang menimbulkan persoalan ialah sejauhmana usaha-usaha kerajaan itu telah berjaya membawa perubahan kepada masyarakat luar bandar? Mengikut laporan Separuh Penggal RM4, peratusan isi rumah miskin di Malaysia telah berkurang. Dalam tahun 1983 hanya sebanyak 30.3 peratus berbanding dalam tahun 1970 iaitu 49.3%. Manakala dilihat pada isi rumah miskin seramai 791,000 pada tahun 1970 dan jumlah ini bertambah dalam tahun 1975 seramai 835,000 dan kemudian turun

University of Malaya

kembali menjadi 717,600 pada tahun 1983.* Walaupun dari segi kadar kemiskinan telah turun tetapi data-data ini boleh dipersoalkan dari bebrapa segi. Mengikut Ishak Shaari dan Jomo K.S. (1984:9), kerajaan sepatutnya membuat pengumuman Cara pengukuran kemiskinan yang digunakan oleh mereka. Kerana penggunaan pengukuran kemiskinan oleh kerajaan adalah lebih cenderung menggunakan secara mutlak dan tidak secara relatif. Dengan ini, cara yang digunakan oleh kerajaan tidak dapat memberikan gambaran yang sebenarnya dalam melihat masalah kemiskinan dinegara ini.

Dari kajian kes disini, pengkaji dapati bahawa 64 peratus dari penduduk disini adalah berpendapatan dibawah $300/- sebulan. Sedangkan garis kemiskinan kerajaan bagi tahun 1983 adalah sebanyak $384 sebulan. Ini menunjukkan pendapatan penduduk disini pada umumnya adalah rendah dan mereka boleh digolongkan sebagai golongan miskin. Walaupun kampung ini tidak terlepas dari arus pembangunan tetapi kebanyakan pembangunan-pembangunan yang disalurkan disini adalah berbentuk fisikal. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penduduk disini telah menikmati berbagai-bagai kemudahan asas (lihat Bab 4) seperti Sekolah, Klinik desa, Jalanraya, Api, Letrik dan Paip air. Sebenarnya pembangunan-pembangunan ini hanya merupakan pembangunan dari segi material sahaja.

---

* Laporan Rancangan Malaysia Keempat (RM4)
Jadual 3.2 mukasurat 38-39

Sedangkan apa yang sepatutnya, malah sangat diperlukan oleh penduduk disini ialah lebih banyak lagi pembangunan yang boleh mendatangkan sumber pendapatan mereka. Dilihat dari penglibatan agensi kerajaan, RISDA misalnya. Sebenarnya tidak banyak boleh dibanggakan. RISDA hanya sekadar melancarkan program-program penanaman semula getah iaitu projek RTSB SEPENTAS, subsidi baja dan benih-benih tanaman kontan. Masalah yang timbul ialah tidak ramai dikalangan penduduk disini yang dapat menyertai program-program tersebut. Sebagaimana telah diterangkan dalam Bab IV, kebanyakan dari penduduk disini hanya mempunyai saiz tanah getah yang kecil dan ada yang menyewa atau berpawah dengan tuan tanah. Oleh itu dengan keadaan ini, mereka tidak dapat menyertai program-program yang dianjurkan oleh pihak RISDA kerana sumber rezeki mereka adalah bergantung seratus peratus kepada hasil pokok getah tersebut.

Pengaruh politik juga memainkan peranan dalam menentukan siapakah yang boleh menyertai program-program pembangunan dikampung ini. Apa yang ditemui ialah terdapat pilih kasih dalam menentukan siapa yang boleh menyertai program-program anjuran RISDA ini. Terdapat penduduk yang layak dan cukup syarat untuk menyertai program SEPENTAS dan RTSB itu, tetapi oleh kerana berlainan fahaman politik menyebabkan mereka ini gagal (atau digagalkan) dalam permohonan mereka.

Jadi dimanakah letaknya keadilan kerajaan untuk menyalurkan pembangunan kepada setiap rakyat di Malaysia ini. Sepatutnya mereka yang bertanggungjawab perlulah menyedari hakikat ini, bahawa setiap pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan itu perlulah dinikmati oleh setiap lapisan rakyat tidak kira fahaman politik mereka.

Kecuaian dalam perancangan juga menyebabkan pembangunan yang disalurkan disini tidak memberi faedah kepada penduduk kampung ini. Seperti diterangkan dalam Bab lima program taliair oleh Jabatan Parit dan Taliair tidak dapat membantu penduduk kampung ini untuk meninggikan lagi hasil pendapatan mereka. Sepatutnya pihak tersebut mengkaji dengan lebih teliti dalam program yang akan dilaksanakan. Akibat dari kelemahan dalam perancangan ini, penduduk disini telah tidak dapat mengerjakan tanah sawah mereka. Keadaan ini telah menambahkan beban kepada mereka bukan faedah yang sepatutnya diterima. Walaubagaimanapun pengkaji tidak menafikan bahawa terdapatnya faktor-faktor lain yang menyebabkan kegagalan dalam usaha mengerjakan sawah padi itu, seperti kekurangan tenaga muda.

Ahli-ahli perancang pembangunan, mengutamakan faktor-faktor ekonomi dalam perlaksanaan pembangunan negara. Jadi setiap pembangunan-pembangunan yang banyak disalurkan

dinegara ini adalah berbentuk faedah-faedah ekonomi. Tumpuan pembangunan itu banyak dinikmati oleh kawasan-kawasan yang sedia maju. Sedangkan bagi kawasan-kawasan luar bandar, pembangunan-pembangunan yang lebih berfaedah tidak diberi keutamaan. Ini apa yang dinyatakan oleh A.G. Frank ujudnya satu bentuk hubungan metropolis dan sattelit. Kawasan luar bandar merupakan sattelit kepada kawasan bandar. Jadi dengan pembangunan-pembangunan dibandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Pulau Pinang dan Johor Bahru menyebabkan berlakunya ketidakseimbangan dalam pembangunan bandar dan luar bandar. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, kawasan luar bandar juga menikmati pembangunan, tetapi ia lebih merupakan pembangunan dari segi kemudahan asas sahaja. Misalnya di kampung kajian kes ini, peluang-peluang ekonomi tidak banyak dinikmati oleh penduduk disini.

Proses pembangunan yang begitu pesat dibandar, menyebabkan anak-anak muda kampung ini berhijrah kebandar. Kesan yang paling ketara kepada kampung ini ialah berlakunya tanah-tanah terbiar akibat dari kekurangan tenaga pekerja muda. Keadaan ini merupakan satu perubahan sosial kepada masyarakat kampung ini - iaitu satu trend budaya baru yang mana generasi muda lebih cenderung untuk bekerja makan gaji dibandar-bandar besar daripada bekerja dalam bidang pertanian.

Disamping itu, pembangunan dalam pelajaran juga telah melahirkan generasi yang orientasinya untuk bekerja makan gaji. Dengan pembangunan seperti ini, penduduk kampung telah menerima kemajuan itu dengan hati yang terbuka. Mereka lebih suka kalau anak-anak mereka ini bekerja dengan kerajaan atau dengan swasta. Oleh sebab itulah mereka menjadikan pelajaran yang tinggi sebagai satu alternatif bagi anak-anak mereka dan keluarga untuk lari dari masalah kemiskinan dikampung. Dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan, peluang-peluang anak-anak masyarakat luar bandar untuk mendapat taraf pendidikan tinggi adalah terbuka dengan luas, Bagi pencapaian ini, telah mengubah struktur dalam masyarakat kampung ini, generasi muda yang berpelajaran itu tidak akan kembali kekampung ini untuk mengerjakan tanah-tanah orang tua mereka, sebaliknya mereka ini akan menetap dikawasan-kawasan tempat kerja mereka. Ini mengakibatkan komposisi, penduduk dikampung ini berkurangan. Terdapat banyak rumah-rumah dan tanah-tanah yang terbiar.

Satu perkara yang baik dari peningkatan taraf pelajaran dikalangan anak-anak penduduk disini, ialah mereka ini setelah bekerja makan gaji, dapat membantu keluarga mereka. Sebab itu walaupun didapati bahawa pendapatan purata penduduk disini adalah rendah tetapi mereka hidup dalam keadaan yang selesa. Keluhan mengenai sukar dapat makanan tidak pernah didengari. Berbanding dengan kawasan-kawasan bandar, dimana penduduk miskin bandar keadaan mereka adalah lebih buruk lagi

(lihat artikal Razali Agus dalam Berita Harian: 9.4.84). Bagi penduduk luar bandar, mereka mempunyai rumah yang tidak perlu disewa, sayur-sayuran yang mudah didapati dan keadaan sekeliling yang tenang. Dilihat dari segi teori "Budaya Miskin" yang diutarakan oleh Oscar Lewis, adalah tidak berapa tepat kalau diappliakasikan kepada penduduk disini. Kesan dari pembangunan dari satu segi telah dapat melahirkan generasi-generasi muda yang berpelajaran dan mereka ini adalah berpontensi untuk maju dan mengubah taraf hidup keluarga mereka. Kemiskinan yang dirasai oleh penduduk disini bukanlah merupakan kemiskinan dalam erti yang sebenarnya. Dari penemuan-penemuan ini dapat disimpulkan:-

1) Masyarakat kampung ini telah dapat merasai pembangunan yang telah disalurkan dikampung ini. Walaubagaimanapun pembangunan itu adalah lebih merupakan pembangunan dari segi fisikal dan material. Untuk membina masyarakat luar bandar yang berdikari, dinamis dan penuh semangat pembangunan masih jauh lagi dari terlaksana.

2) Pengeluaran getah telah meningkat dengan adanya program-program yang dianjurkan oleh pihak RISDA. Namun golongan-golongan tertentu sahaja

yang dapat menyertainya kerana terdapatnya pengaruh politik dalam pemilihan peserta. Bagi golongan yang mempunyai saiz tanah getahnya kecil tidak dapat menyertai program tersebut kerana mereka bergantung sepenuhnya kepada hasil torehan pokok getah tersebut. Maka golongan-golongan ini adalah berpendapatan rendah. Namun begitu mereka ini kebanyakannya mendapat bantuan kewangan dari anak-anak yang sudah bekerja.

3) Bagi penduduk yang masih muda, kebanyakan mereka ini bekerja makan gaji tidak lagi membuat pekerjaan pertanian sepenuh masa. Ini mengakibatkan terdapatnya tanah-tanah terbiar.

4) Pembangunan-pembangunan dikawasan bandar telah menarik generasi muda untuk berhijrah kebandar-bandar akibatnya tinggal golongan-golongan tua dikampung yang tidak berkeupayaan untuk mengerjakan tanah-tanah mereka.

5) Corak kehidupan masyarakat kampung yang tidak perlu kepada kemewahan yang berlebihan. Mereka

University of Malaya

merasai pembangunan yang ada disini sudah cukup bagi mereka dan tidak perlu untuk bekerja lebih keras bagi menambahkan pendapatan mereka.

Sebagai penutup kajian ini, pada pendapat pengkaji bahawa pembangunan-pembangunan yang disalurkan kepada masyarakat luar bandar disini telah dapat mengurangkan masalah masyarakat kampung. Berbagai kemudahan dari pembangunan itu seperti jalanraya telah membolehkan mobiliti sosial dikalangan penduduk disini. Walaupun pada dasarnya kebanyakan pendapatan dikalangan penduduk adalah rendah tetapi dari segi 'basic need' mereka tetap memperolehinya. Dari keadaan kemiskinan disini sebenarnya tidaklah menjadi beban kepada setiap masyarakat kampung kerana hidup mereka penuh dengan kesederhanaan yang mana dapat mengurangkan masalah kekurangan dalam hidup mereka.

# BIBLIOGRAFI


A. Buku Dan Artikes:

1. Bernstein, Henry(ed) — Underdevelopment and Development; The Third World Today, Penguin Book, U.S.A, 1973.

2. Bottomore T.B. — Sociology as Social Criticsm Allen & Unwin Ltd. Grt. Britain 1975.

3. Firth, Raymond — Malay Fisherman: Their Peasent Economy, Routtedge and Kegan Paul, London, 1942

4. Frank A.G. — Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology, Pluto Press, New York, 1970.

5. ____ — Capitalism and Underdevelopment in Latin America, Pengnion Press, Grt. Britain, 1971.

6. Galeski, B. — 'Conflict and Change As An Aspect of Development', dalam Sociology Ruralis, Vol. 12, Warsaw, 1972

7. Gillin and Gillin — Cultural Sociology, The Macmillan Co., New York, 1950.

8. Griffin, Keith B Enos, John L.(uds) — Planning Development, Addison Wesly Publishing Company, London, 1970.

9. Hegedon, Robert — An Introduction into Sociology Orientation. John Wikey and Sons, New York, 1973.

10. Ishak Shaari dan Jomo K.S. — Apakah Dasar Ekonomi Baru Dapat Mencapai Perpaduan Kebangsaan, Insan, 1984.

11. Lenski G.E. — Power and Privileges: A Theory of Social Stratification, Mc Graw Hill, New York, 1966.

12. Lewis, Oscar — La Vida, Vintage Book, New York, 1966.

13. Meier, Gerald M. — Leading issues in Economic Development, Oxford University Press, 1970.

14. Roach, J.L and Roach J.K. — Poverty, Penguin Books, 1972.

15. Rosemary Firth — Housekeeping Among The Malay Peasent, University of London The Anthlone Pres; London 1966.

16. Shamsul Amri Baharuddin — RMK, Tujuan dan Perlaksanaannya Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L. 1972.

17. Swift, M.G. — Malays Peasent Society in Jelebu, The Authlone Press, London, 1965.

18. Syed Husin Ali — Apa Erti Pembangunan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976.

19. ——— — Kemiskinan Dan Kelaparan Tanah Di Kelantan, Karangkraf Sdn. Bhd., 1978.

20. Tham Seong Chee — Malaya and Modernisation. A Sociological Interpretation, Singapore University, 1977.

21. Thangaraja Tangadurai — Community Development, University of Malaya, K.L. 1969.

B. Thesis

1. Faizah Yunus — Kemiskinan Kaum Tani (Satu Kajian Kes Dikampung Paya Lintah) Padang Rengas, Perak. Tisis B.A. Jabatan Antropologi dan Sosiologi, University Malaya, K.L. 1983 (Tidak diterbitkan)

University of Malaya

2. Rokiah Abdul Talib — Rancangan Tanah Sebagai Satu Strategi Pembangunan; Satu Kajian Kes Ke Atas Rancangan-Rancangan Tanah Negeri Kelantan. Thesis Ph.D, Universiti Malaya, K.L. 1978. (Tidak diterbitkan)

C. Dokumen Kerajaan

1. Malaysia — Rancangan Malaysia Kedua Jabatan Cetak Kerajaan, K.L. 1971.

2. - — Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980) Jabatan Cetak Kerajaan, K.L. 1976.

3. - — Rancangan Malaysia Keempat Jabatan Percetakan Negara, K.L. 1981.

4. - — Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, Pencetak Kerajaan Kuala Lumpur, 1984.

D. Akhbar Tempatan

Berita Harian — 9.4.1984

University of Malaya